



KHATAM AL-QURAN 79 KALI KHAS BUAT ULIL AMRI DIKASIHI RAKYAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 2 hingga 5).

Wujudkan persekitaran kerja kondusif, jana peluang pekerjaan baharu

Oleh : Khartini Hamir

RIMBA, Sabtu, 2 Ogos. - Dalam melaksanakan tugas pekerjaan sehari-hari, adalah penting untuk sentiasa memberikan tumpuan kepada pembangunan minda dan kapasiti dalam mendukung usaha kerajaan menjana kemajuan dan kepelbagaian ekonomi negara.

Pemikiran ini adalah wajar dan bertepatan selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 yang antara lainnya, mengimpikan sebuah negara yang dikenali dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

>> Muka 9

Akademi Dakwah 5.0 lahirkan pendakwah muda berilmu, berakhlak mulia

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Ogos. - Program Akademi Dakwah 5.0 terus menzahirkan komitmen Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam melahirkan generasi pendakwah muda yang bersedia menghadapi cabaran dakwah masa kini dengan ilmu, iman dan akhlak yang terpuji.

Program ini bertujuan melahirkan

pendakwah muda yang dapat meneruskan kegiatan dakwah selaras dengan fahaman dan amalan beragama yang diajarkan di sekolah-sekolah agama serta institusi pengajian Islam, seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian, keluarga, masyarakat dan peringkat negara.

>> Muka 7

Kukuhkan kerjasama serantau, bina komuniti ekonomi berdaya tahan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali, Rohani Haji Abdul Hamid

BERAKAS, Sabtu, 2 Ogos. - Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak-Brunei ini lebih daripada sekadar sebuah sambutan. Ia melambangkan komitmen nyata bagi memperkukuhkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan

Sarawak dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pelancongan, pertukaran sosiobudaya dan pembangunan ekonomi lestari.

>> Muka 8

Berita Utama



MEMUPUK semangat keusahawanan, inovasi dalam kalangan pelajar berkeperluan khas
Muka 10



PERANAN penting tenaga kerja kejururawatan dalam memperkukuh ekonomi
Muka 13



MEMPERTINGKATKAN pembarigaan maklumat gaya hidup sihat
Muka 18



RENCANA MENGGAPAI Wawasan Brunei 2035 melalui Modul Keusahawanan Halal
Muka 20

KHATAM AL-QURAN 79 KALI KHAS BUAT ULIL AMRI DIKASIHI RAKYAT

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Ogos. - Keindahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bergema memenuhi ruang Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman yang dipersembahkan daripada seramai 1,708 peserta Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, hari ini.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat pada Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASHIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	ISNIN	10	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.49
5	SELASA	11	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.48
6	RABU	12	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.36	7.48
7	KHAMIS	13	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.48
8	JUMAAT	14	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
9	SABTU	15	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
10	AHAD	16	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.35	7.47

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	32 24 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	

Wallahuhal Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

4 OGOS 2025

Belia pemacu masa depan negara

BELIA merupakan aset utama dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Selain itu, belia juga adalah pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui penglibatan mereka dalam sektor pekerjaan, keusahawanan dan teknologi.

Bukan sahaja berperanan dalam kemajuan teknologi, belia juga berperanan penting memelihara warisan budaya dan nilai-nilai murni bangsa di era globalisasi yang pesat.

Mereka perlu mengekalkan identiti negara melalui penglibatan dalam aktiviti seni, bahasa dan warisan budaya tempatan. Usaha ini penting bagi mengelakkan kehilangan jati diri serta memastikan kesinambungan budaya bangsa.

Sudah semestinya, belia juga akan menjadi pemimpin masa depan negara. Oleh itu, adalah penting untuk para belia secara proaktif terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan, pertubuhan bukan kerajaan dan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat di mana ia merupakan proses awal dalam melatih mereka untuk menjadi pemimpin yang berwibawa dan bertanggungjawab pada masa hadapan.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini menekankan, belia adalah harapan negara. Inilah cogan kata yang sering didengar dan sudah sinonim dengan golongan belia yang merupakan kelompok dominan dan berpengaruh demi melahirkan sebuah negara dan bangsa yang berjaya.

Mengapa kita memfokuskan kepada belia? Mengapa negara mengutamakan perkara-perkara yang berhubung kait dengan belia? Jawapannya belia adalah bakal pewaris bangsa, merekalah yang akan menaiki segala tanggungjawab demi mengukuhkan pembangunan negara dan di bahu merekalah juga terletak cabaran bagaimana untuk kekal mencemerlangkan negara di mata dunia.

Khatib seterusnya menegaskan generasi muda atau belia merupakan tiang dan sandaran negara serta menjadi sumber tenaga manusia yang bernilai. Pada mereka diletakkan cita-cita serta harapan negara pada masa hadapan. Sebagai harapan negara, mereka memikul tanggungjawab yang amat besar.

Oleh itu, selaku belia yang berperanan menjadi pewaris bangsa hendaklah terus bertekad dan berusaha keras serta bersatu padu untuk membangunkan negara dari segi agama, sosial dan ekonomi. Ini penting kerana belia adalah penerus kesinambungan pentadbiran dan kemajuan pembangunan sesebuah negara.

Dalam pada itu, para belia juga perlu bersama-sama mengerahkan tenaga dan mendukung inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دريتكن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرين ت قلس سنديرين برحد، نكارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat pada majlis tersebut.



>> Muka 2

Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 di sini juga turut diserikan dengan keberangkatan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji

Nasir dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah

Masna, Ambassador At-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri

Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja.

>> Muka 4



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 (atas, atas kanan, kanan, bawah kiri, bawah tengah dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan semasa doa dibacakan.

>> Muka 3

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji

Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md. Said selaku Penasihat-penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79.

Turut menjunjung keberangkatan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pengerusi-pengerusi Bersama

Jawatankuasa Kebangsaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79, berserta isteri masing-masing.

Sejurus keberangkatan tiba di Dewan Persantapan Diraja, di sini, majlis dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan yang kemudiannya membacakan Doa Selamat.

>> Muka 5



PENGLIBATAN para peserta khatam daripada pelbagai peringkat umur bagi majlis berkenaan jelas mencerminkan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi kepada raja yang dikasihi (atas, kanan, bawah dan bawah kanan).





KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat meninggalkan majlis berkenaan.

>> Muka 4

Kemudian diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada para peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung di keempat-empat daerah iaitu kategori dewasa lelaki, dewasa perempuan, belia dan beliawanis serta penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), sekolah

Arab dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR), kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah agama Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu dari sekolah-sekolah Arab dan Al-Falah, sekolah-sekolah agama, Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan STAR serta penuntut-penuntut sekolah di seluruh negara di bawah

Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Bacaan tersebut dipimpin oleh johan Musabaqah Zainul Quran Antara Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab Senegara Tahun 2024 iaitu Awang Muhammad Ishqal Ezairi @Abdul Mateen bin Mohammad Shahrini.

Doa Khatam dipimpin oleh salah seorang peserta Khatam Al-Quran, Awang Abdul Hakim bin Amir yang merupakan

johan Peraduan Membaca Al-Quran Bagi Kategori (Alif) Taranum anjuran Sekolah Ugama Jabatan Pengajian Islam Tahun 2022.

Sementara bacaan Takhtim dan Tahlil serta Dikir Marhaban seterusnya dipersembahkan oleh seramai 100 orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Pengajian Islam. Para peserta khatam juga membawa pulang cenderahati kurnia Kebawah DYMM sebagai tanda

kenang-kenangan.

Daripada keseluruhan jumlah peserta kali ini merangkumi seramai 320 daripada peserta dewasa lelaki dan perempuan; 240 peserta daripada belia dan beliawanis; kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah lelaki dan perempuan seramai 684 peserta serta 464 penuntut sekolah lelaki dan perempuan di bawah Kementerian Pendidikan dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



PADUKA-paduka anakanda serta adinda-adinda baginda menadah tangan semasa doa dibacakan (atas kiri dan atas kanan).

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri). Manakala gambar bawah dan bawah kiri, sebahagian yang menyertai majlis khatam tersebut.



BRUNEI DPMM FC TEWASKAN SUMSEL UNITED, 5 - 0



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Persahabatan Pra-Musim di antara Brunei DPMM FC dengan Sumsel United. Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Oleh : Mohammad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Sabtu, 2 Ogos. - Brunei DPMM FC menunjukkan aksi cemerlang selepas menewaskan Sumsel United 5 - 0 dalam Perlawanan Persahabatan Pra-Musim di Stadium Negara Hassanal

Bolkiah, Berakas, malam tadi. Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang



Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah

Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

Keberangkatan tiba dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Babak pertama menyaksikan Brunei DPMM FC menguasai perlawanan namun pada minit ke-11, kad kuning pertama dilayangkan kepada pemain pertahanan Brunei DPMM FC, Amani Aguinardo, dan tidak lama kemudian pada minit ke-20, gol pertama Brunei DPMM FC berjaya dijaringkan oleh Muhammad Ramadhan Sananta.

Di minit ke-24 pasukan Brunei DPMM FC membuat serangan hantaran bola dari tengah melalui ketua pasukan Brunei DPMM FC, Muhammad Azwan bin Ali Rahman dan disudahi dengan sepakan daripada Miguel Angelo Agostinho Oliveira untuk meraih gol kedua.

Pada minit ke-30, Brunei DPMM FC sekali lagi berhasil menjaringkan gol yang ketiga

hasil tendangan dari luar kotak oleh Muhammad Azwan, dan selang beberapa minit kemudian, penjaga gawang Sumsel United membuat kesilapan dan peluang tersebut dapat dimanfaatkan oleh pemain penyerang Brunei DPMM FC, Victor Beromeu, membuatkan jaringan 4 - 0 sehingga penamat babak pertama.

Pada babak kedua perlawanan tetap rancak, Sumsel United membuat beberapa tempo serangan tetapi tidak berjaya membolosi benteng pertahanan dan gawang Brunei DPMM FC.

Gol terakhir Brunei DPMM FC sekali lagi dijaringkan oleh Muhammad Ramadhan Sananta pada minit ke-75 dan sekali gus mengekalkan jaringan 5 - 0 sehingga wisel penamat dibunyikan.

Daripada perlawanan itu, maka berakhirilah Perlawanan Persahabatan Pra-Musim bagi Brunei DPMM FC, dan akan memulakan musim baharu dalam kejohanan Liga Super Malaysia pada 9 Ogos akan datang.



BERANGKAT sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas). Manakala gambar kiri, aksi para pemain pada perlawanan tersebut yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

DPMM FC berpesta gol, unggul di puncak liga



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Ogos. - Jaringan kemenangan yang berkesudahan 21 - 0 cukup membuktikan skuad muda DPMM FC untuk terus unggul berada di puncak liga bagi Liga Belia Brunei Musim

2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18) pada aksi perlawanan ke-34 semasa menentang FC Phosphor hari ini. Berangkat menyaksikan perlawanan di sini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Perlawanan yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium berkenaan menyaksikan anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, yang juga selaku Ketua Pasukan DPMM FC berjaya menyumbat lima gol ke gawang lawan pada minit ke-11, 43, 54, 69 dan juga termasuk gol penalti dalam masa tambahan.

Selain itu, Muhammad Akmal Rizal Muhammad Abu Bakar juga berjaya menghadihkan tujuh gol pada minit ke-4, 17, 24, 32, 38, 51 dan selanjutnya di pada minit ke-73.

Sementara Md. Harith Aqil Azaman pula berjaya menggagalkan kubu pertahanan sehingga membolos dua gol buat DPMM FC pada minit ke-5 diikuti selepas dua minit kemudiannya.

Manakala pemain gantian DPMM FC, Muhammad Adi Idham Sazali juga menghadihkan dua

gol pada separuh masa kedua, iaitu masing-masing pada minit ke-71 dan 75, begitu juga Yunus Poljarevic Emin Poljarevic berjaya menambah gol pada minit ke-22 dan 62.

DPMM FC terus menggasak pasukan lawan menerusi gol yang dihasilkan oleh Awangku Faris Fadillah Pengiran Saiful Bahari dan Muhammad Hafiy Hakim Azizan, masing-masing pada minit ke-12 dan 76.

Selain itu, DPMM FC juga bernasib baik apabila pemain FC

Phosphor telah menyumbat gol di gawang sendiri menerusi Awangku Mohd. Esfahan Pengiran Sefali pada minit ke-36.

Pendahulu liga, DPMM FC seterusnya akan berentap menentang BSRC Football pada 10 Ogos ini di Jerudong Park Mini Stadium, manakala FC Phosphor pula akan beradu tenaga dengan Wijaya FC pada Jumaat, 8 Ogos bertempat di Padang Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) 'B' nanti.



ANAKANDA Duli Yang Teramat Mulia, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim turut menyertai DPMM FC selaku Ketua Pasukan.

AKADEMI DAKWAH 5.0 LAHIRKAN PENDAKWAH MUDA BERILMU, BERAKHLAK MULIA



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Majlis Konvokesyen Akademi Dakwah 5.0 telah diadakan pagi tadi bertempat di Sekolah Ugama Arab Menengah Pengiran Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Ugama ketika berucap menekankan pentingnya para peserta terus mempertajam keupayaan dakwah mereka melalui penambahan ilmu dan pengalaman, serta mencontohi para da'ie yang telah berjaya.

Menurut Yang Berhormat, pendakwah masa kini perlu memanfaatkan saluran-saluran dakwah yang berkembang pesat dan mudah diakses oleh masyarakat umum, dengan berpaksikan dasar utama dakwah seperti yang disebutkan dalam dalam Surah an-Nahl ayat 125:

tafsirnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalanNya dan Dialah juga yang mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

Dan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fathir ayat 32: tafsirnya: "Kemudian Kami mewariskan Kitab (al-Quran) itu kepada orang-orang yang Kami pilih daripada kalangan hamba-hamba Kami, antara mereka ada yang menzalimi diri

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku tetamu kehormat majlis ketika menyampaikan ucapannya.

sendiri dan antaranya ada yang bersikap pertengahan dan antaranya ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar".

Akademi Dakwah 5.0 yang membawa slogan 'Berdakwah dengan Ilmu dan Iman, Berakhlak Mulia Jadi Da'ie Tauladan' telah memberikan para peserta pendedahan kepada siri pengajian, bimbingan dan latihan intensif yang memperkukuh ilmu keagamaan, membentuk keimanan, memperhalusi akhlak dan memantapkan kemahiran dakwah yang sesuai dengan keperluan masyarakat masa kini.

Majlis konvokesyen ini diadakan bagi meraikan kejayaan para peserta yang telah menamatkan keseluruhan program serta sebagai pengiktirafan terhadap peranan Akademi Dakwah dalam membentuk masyarakat berilmu, beriman dan berakhlak mulia seiring aspirasi negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Mujadalah ayat 11 yang dipimpin oleh Awangku Muhammad Abdul Majeed Ariffin bin Pengiran Haji Md. Abdul Aziz, diikuti sesi ibrah oleh Aaliah @ Siti Nur Qamariah Almuktafibilah binti Haji Mohammad Rafee yang menekankan kepentingan menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Bersama Program Akademi Dakwah 5.0, Dayang Nor Najiah binti Abdullah, sebelum majlis diteruskan dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada seramai 34 graduan oleh tetamu kehormat.

Majlis turut menyaksikan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat sebagai tanda penghargaan di atas sokongan dan sumbangan yang diberikan.

Seterusnya, para hadirin berpeluang menyaksikan tayangan video perjalanan program yang memaparkan pelbagai pengisian ilmu, aktiviti lapangan dan latihan dakwah sepanjang Akademi Dakwah 5.0.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipohon bagi keberkatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selesai acara rasmi, tetamu kehormat bersama para jemputan turut melawat pameran hasil kerja peserta yang mencerminkan kreativiti, dedikasi dan keupayaan mereka dalam menyampaikan mesej dakwah secara efektif.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Program Akademi Dakwah diharap menjadi platform berterusan dalam memperkukuh usaha dakwah Islamiah di Negara Brunei Darussalam, ke arah membentuk masyarakat yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia.

2 jejambat baharu siap dilaksanakan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



MUKIM MENTIRI, Sabtu, 2 Ogos.

- Satu lagi projek pembinaan dua buah jejambat di persimpangan Jalan Utama Mentiri dan di persimpangan Jalan Muara serta pembinaan Jalan Penghubung Tanah Jambu dan jalan susur dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau ke Jalan Utama Mentiri yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah pun siap dilaksanakan dan mula dibuka kepada lalu lintas hari ini.

Pembukaan jejambat dan jalan penghubung Tanah Jambu tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku tetamu

kehormat.

Dua buah jejambat baharu telah dibina, iaitu sepanjang 30 meter (m) menyeberangi Jalan Muara dan 60m menyeberangi Jalan Utama Mentiri. Jalan baharu empat lorong (dual carriageways) telah dibina sepanjang kira-kira 1.8 kilometer (km) yang menghubungkan Jalan Utama Mentiri dan Jalan Muara.

Sementara itu, sepanjang kira-kira 1.4km jalan susur telah dibina yang menghubungkan Jalan Utama Mentiri dari RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Mukim Mentiri.

Projek ini merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11 yang mula dibina pada awal tahun 2019 dan siap sepenuhnya pada 7 Julai 2025, melalui penglibatan pemorong Pro Builder Sdn. Bhd.

dengan menelan belanja lebih kurang BND26 juta.

Projek pembinaan jejambat ini dilaksanakan bertujuan untuk menampung pertumbuhan jumlah lalu lintas di samping meningkatkan tahap keselamatan para pengguna jalan raya serta memperkembangkan lagi sistem rangkaian jalan raya dengan lebih teratur.

Dengan terbinanya jejambat dan jalan ini, ia memberikan jalan alternatif kepada para pengguna jalan raya dan sedikit sebanyak akan mengurangkan masalah kesesakan di sebahagian kawasan di Jalan Utama Mentiri (terutama di waktu pagi) di mana sebahagian jumlah lalu lintas yang datang dari arah Mentiri dijangka menggunakan jejambat dan jalan baharu ini untuk menuju ke Jalan Muara, Lebuhraya Muara Tutong dan sekitarnya.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian pembukaan jejambat dan jalan penghubung Tanah Jambu tersebut (atas dan kiri).

Di samping itu, jejambat-jejambat yang baharu ini dijangka memberi impak positif terhadap pembangunan sosioekonomi di kawasan sekitar.

Infrastruktur ini bukan sahaja akan mempercepatkan dan memudahkan urusan pengangkutan logistik yang berkait rapat dengan ekonomi setempat, malah turut membuka lebih banyak akses ke tapak-tapak pembangunan ekonomi seperti kawasan perindustrian, komersial dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana.

Dengan pembukaan jejambat ini, pihak JKR sukacita mengingatkan kepada orang ramai terutama sekali para pengguna jalan raya supaya memandu dengan berhati-hati serta mengikut papan tanda yang telah disediakan dan mengikut had laju yang telah ditetapkan demi memastikan

keselamatan semua pengguna jalan raya yang lain.

Turut hadir pada majlis pembukaan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan) Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di kementerian berkenaan serta wakil daripada Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya.

KUKUHKAN KERJASAMA SERANTAU, BINA KOMUNITI EKONOMI BERDAYA TAHAN

>> Muka 1

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah seterusnya mengongsikan Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak-Brunei 2025 merupakan platform dinamik yang menyokong pertumbuhan usahawan tempatan dalam industri makanan, kreatif dan kraf tangan; memperlihatkan kesatuan rakyat yang dihubungkan oleh warisan, bahasa, adat resam, dan nilai yang dikongsi berabad-abad lamanya; bertindak sebagai pemangkin untuk pelancongan serantau, mengajak pelawat untuk merasai secara langsung jiwa budaya kita dan memupuk hubungan yang lebih kukuh dalam kalangan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) dengan potensi untuk berkembang ke peringkat serantau dan global.

"Hubungan kita berakar umbi kukuh dalam sejarah. Selama beberapa generasi, para pedagang, keluarga dan penggiat budaya telah menyeberangi perairan antara NBD dan Sarawak, berkongsi pengetahuan, membina kepercayaan dan memupuk persahabatan.

"Sebagai seseorang yang pernah melawat Sarawak dan bertemu dengan rakyatnya yang penuh semangat, artisan dan usahawan, saya secara peribadi telah menyaksikan kekayaan budaya, tradisi dan inovasi yang berkembang dalam komuniti awda. Dan saya tahu bahawa kekuatan sebegini juga bergema di sini, di NBD," demikian ujar Yang Berhormat pada Majlis Perasmian Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak-Brunei di Ruang Legar Kereta VIP Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas, hari ini.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan bahawa perkumpulan hari ini bukan sekadar untuk sebuah acara, namun untuk mengukuhkan semula ikatan yang melangkaui sempadan.

Kesempatan ini jelas Yang Berhormat adalah sebuah sambutan perpaduan, warisan dan kemungkinan. Geografi dan akar budaya yang kita kongsi memberikan kita asas yang unik, yang boleh kita bina demi kemakmuran bersama dan kekuatan serantau.

Menurut Yang Berhormat lagi, acara seperti ini bukan sekadar bersifat simbolik, malah bersifat strategik dan ia membolehkan kita membina jambatan yang nyata

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali,
Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

merentasi sempadan.

Tambah Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menyokong inisiatif yang memperkukuhkan kerjasama serantau dan melihat Sarawak bukan sahaja sebagai jiran tetapi sebagai rakan kongsi dalam membina komuniti ekonomi yang berdaya tahan dan berpandangan jauh ke hadapan.

"Oleh itu, kami merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada STATOB atas usahanya merealisasikan Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak-Brunei. Adalah amat menggembirakan melihat cadangan untuk membangunkan inisiatif ini sebagai program utama tahunan dengan jangkaan dan penyertaan yang lebih meluas.

"Kerjasama ini juga boleh diperluas melebihi pertukaran budaya dan persembahan kulinari, merangkumi bidang-bidang baharu seperti inovasi belia, perdagangan digital, industri kreatif, dan pemeliharaan alam sekitar bagi memastikan jalinan kerjasama ini kekal relevan untuk

masa hadapan, memberi impak yang bermakna serta memperkasa generasi akan datang," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa semasa kita melangkah maju bersama, biarlah kesempatan ini menjadi peringatan tentang apa yang mampu kita capai melalui visi bersama, kepercayaan dan kerjasama.

Yang Berhormat berharap agar ia menjadi inspirasi kepada lebih banyak inisiatif yang merapatkan hubungan rakyat dan memperkukuh ikatan yang menyatukan NBD dan Sarawak.

Yang Berhormat seterusnya menyeru kepada golongan belia untuk tampil ke hadapan, berinteraksi dan saling belajar antara satu sama lain serta berinovasi bersama.

Tekan Yang Berhormat, obor kerjasama ini mesti diteruskan, bukan sahaja melalui dasar yang saling menguntungkan tetapi juga melalui semangat, kreativiti dan jiwa keusahawanan agar legasi ini diteruskan.

"Rasailah keenakan sajian tempatan yang penuh dengan kepelbagaian rasa, dan hayatilah



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika berucap.

persembahan tradisional yang mencerminkan inti pati budaya dan nilai yang kita kongsi bersama. Marilah kita raikan keunikan kita, dan juga ikatan yang menyatukan kita.

"Dengan itu dan dengan lafaz kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim dengan penuh penghormatan dan dalam semangat solidariti, saya dengan ini merasmikan program Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak-Brunei 2025," ujar Yang Berhormat mengakhiri ucapan.

Pameran ketengahkan keunikan rasa, tradisi, warisan NBD, Sarawak



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak-Brunei 2025 (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat melawat pameran pada majlis tersebut.



BERAKAS, Sabtu, 2 Ogos. - Cita Rasa & Tautan Budaya Sarawak-Brunei 2025 menampilkan pameran kraf, kulinari dan sambutan kebudayaan yang dianjurkan oleh Pejabat Perdagangan dan Pelancongan Sarawak, Brunei (STATOB) yang mengetengahkan keunikan rasa, tradisi dan warisan dari Sarawak

dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Majlis Perasmian telah berlangsung hari ini di Ruang Letak Kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian majlis ialah Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Hadir sama, Timbalan Premier Sarawak dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak, Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa, diikuti dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan', Lagu Kebangsaan Malaysia 'Negaraku' dan Lagu Sarawak 'Ibu Pertiwiku'.

Kemudian majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Datuk Amar Haji Awang Tengah yang mana menekankan bahawa Sarawak dan NBD berkongsi budaya yang kaya daripada warisan makanan, pakaian, kesenian hingga nilai kekeluargaan. Etnik yang pelbagai hidup dalam harmoni, mempamerkan toleransi yang

menjadi kekuatan bersama.

"Budaya menyatukan rakyat dan ia merentasi sempadan. Dalam cabaran dunia hari ini, program seperti ini amat penting untuk mempromosi keharmonian dan semangat serantau Borneo," jelas Yang Berhormat Dato.

Melalui program ini, Yang Berhormat Dato berharap dapat memperkukuh kerjasama antara agensi dan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) daripada kedua-dua pihak.

PKS, jelas Yang Berhormat Dato, memainkan peranan penting meneroka pasaran baharu, sama ada usahawan Sarawak ke NBD atau sebaliknya, terutamanya dalam sektor makanan dan kraf.

Tambah Yang Berhormat, melalui perhubungan rapat dan perdagangan yang telah terjalin, jumlah keseluruhan perdagangan Sarawak dan NBD mencecah RM3.39 bilion, meliputi produk seperti mineral fuel, animal feed, perkakasan mesin dan produk plastik.

Menurut Yang Berhormat Dato lagi, Sarawak amat bertuah kerana

berkongsi sempadan dengan NBD, sebuah negara yang maju dan makmur. Keadaan ini memberikan kelebihan kepada kita untuk membina hubungan yang kukuh antara kerajaan (G2G), antara perniagaan (B2B) serta hubungan antara rakyat dengan rakyat.

Majlis diteruskan dengan ucapan perasmian daripada tetamu kehormat dan diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat.

Acara ini melibatkan 38 usahawan terdiri daripada 20 usahawan dari Sarawak dan 18 usahawan dari NBD, yang mempamerkan produk makanan segar, makanan dalam bungkusan dan tin, serta barangan kraf tangan.

Acara berlangsung selama dua hari bermula hari ini, 2 Ogos hingga 3 Ogos 2025 dan terbuka kepada orang ramai tanpa bayaran masuk dan dijangka menarik ramai pengunjung kerana bertepatan dengan hujung minggu.

Acara merangkumi demonstrasi memasak secara langsung oleh usahawan dari Sarawak yang menampilkan hidangan ikonik seperti Mi Kolok, Laksa Sarawak, Mi Kampua, Mi Jawa dan lain-lain dan sajian terkenal di NBD seperti Nasi Katok serta hidangan autentik tempatan turut disediakan serta pameran dan demonstrasi produk kraf tangan dari Sarawak dan NBD.

Acara turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan yang dijadualkan dari pukul 9.00 pagi hingga 10.00 malam dan peluang jaringan perniagaan B2C dan B2B bersama PKS dari kedua-dua pihak.

Adapun tujuan acara ini diadakan adalah untuk merapatkan hubungan masyarakat serta memberikan peluang kepada orang ramai untuk menikmati pengalaman gastronomi yang autentik sambil mempromosikan identiti kraf, kulinari dan budaya kedua-dua wilayah secara langsung di NBD.



ANTARA tetamu yang hadir di majlis berkenaan.

WUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA KONDUSIF, JANA PELUANG PEKERJAAN BAHARU

>> Muka 1

Perkara itu ditekankan oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos ketika berucap di Majlis Pembukaan Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-32 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Dalam mencapai matlamat tersebut tambahnya, pendekatan Whole of Government adalah sangat penting dalam memastikan setiap dasar yang digubal dan perkhidmatan yang disediakan dapat dilaksanakan dengan sedap dalam menghasilkan impak yang menyeluruh dan benar-benar memberikan kesan terhadap keperluan rakyat dan pihak berkepentingan khususnya dalam menjaga kemaslahatan rakyat dan penduduk bahkan dapat mempelopori usaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Yang Mulia Timbalan Menteri turut mengingatkan sebagai pegawai pengurusan kanan, bukan sahaja bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar, malah juga memikul peranan penting sebagai pemimpin perubahan (*agents of change*) yang membawa pembaharuan positif dalam sistem perkhidmatan awam.

Dalam melaksanakan peranan ini katanya, kompetensi kepimpinan seperti pemikiran strategik, keupayaan membuat keputusan berasaskan data dan pemikiran yang berorientasikan kepada pembangunan persekitaran yang kondusif adalah

amat diperlukan.

"Kompetensi ini membolehkan tuan-tuan dan puan-puan membina keupayaan berfikir kritikal, reflektif, dan inovatif sekali gus memperkukuh peranan dalam menerajui transformasi organisasi serta memberi impak positif kepada masyarakat," ujarnya.

Dalam hubungan ini, konteks pemikiran yang berorientasikan kepada pembangunan persekitaran yang kondusif yang biasa disebut sebagai *conducive ecosystem* adalah amat signifikan kerana ia mencerminkan pendekatan yang pragmatik, berpandangan jauh dan inklusif terhadap keseluruhan rangkaian pihak berkepentingan.

Pendekatan ini menuntut kita semua untuk sentiasa menilai dan menambah baik secara berterusan proses penyampaian perkhidmatan awam agar ia lebih responsif, cekap dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Di samping itu terangnya lagi, pendekatan berorientasikan persekitaran yang kondusif ini juga mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara di samping memupuk budaya kerja yang inovatif dalam sektor perkhidmatan awam.

Tambahnya, ia menggalakkan transformasi amalan sedia ada kepada amalan yang lebih efektif dan berorientasikan nilai tambah, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa depan.

Turut diketengahkan pendekatan melalui penggunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dalam mengautomasikan proses kelulusan permohonan dapat mempercepatkan urusan pentadbiran dan mengurangkan birokrasi, di mana AI juga boleh digunakan dalam analitik data

untuk membantu pembuatan dasar yang lebih tepat seterusnya meningkatkan keberkesanan dasar dan perkhidmatan awam.

Usaha-usaha seperti ini katanya, bukan sahaja akan memudahkan urusan penyampaian perkhidmatan, malah insyaaAllah akan turut berpotensi untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan (*trust*) masyarakat terhadap tahap kualiti dan kecekapan perkhidmatan awam di negara ini.

Melalui cara ini terangnya, kita dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk kemajuan negara yang bukan sahaja menarik pelaburan dan memperluas kepelbagaian ekonomi, malah secara langsung menjana peluang pekerjaan baharu, dan pada masa yang sama mampu untuk mengukuhkan peranan pemimpin sektor awam sebagai pemacu pemikiran strategik dan inovasi, memastikan setiap dasar dan inisiatif memberi manfaat menyeluruh kepada negara.

Yang Mulia Timbalan Menteri juga dalam ucapannya melahirkan harapan program ini dapat menjadi landasan yang membuka ruang dan minda untuk berfikir secara strategik, kreatif dan berpandangan jauh, bukan sekadar menyesuaikan diri dengan perubahan, bahkan menjadi pencetus kepada pembaharuan yang menjurus kepada peningkatan daya saing negara.

Jelasnya, kita perlu berani menilai semula pendekatan sedia ada dan secara proaktif mencari jalan untuk menambah baik proses-proses kerja agar lebih cekap, efisien dan berimpak tinggi.

"Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan akan berupaya mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dengan sentiasa



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapannya.

menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk menjana idea-idea baharu serta berinovasi. Ini termasuklah menyediakan sumber dan sokongan yang diperlukan agar idea-idea tersebut dapat diterjemahkan selaras dengan matlamat dan hala tuju organisasi," terangnya.

Beliau turut menekankan dengan adanya kepimpinan dan urustadbir yang berkesan, sesebuah organisasi boleh memupuk kerjasama dalam pasukan, menggalakkan pemikiran baharu dan akhirnya menghasilkan kejayaan organisasi yang mampan.



ANTARA yang hadir di Majlis Pembukaan Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-32.

EDPSGO Ke-32 dirasmikan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



TETAMU kehormat majlis bergambar ramai bersama para peserta EDPSGO Kali Ke-32 .

RIMBA, Sabtu, 2 Ogos. - Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-32 yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam telah dirasmikan pagi tadi oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka

Haji Mohammed Yunos, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; dan Pemangku

Setiausaha Tetap (Professional), Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Rafidah binti Abdul Gharif.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Pengiran Haji Raffizanna Bin Pengiran Haji Razali; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji

Shamshol bin Haji Omar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman; dan Pengarah Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Dayang Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh.

Di dalam alu-aluannya, tetamu kehormat majlis menyenarakan 25 orang peserta yang telah terpilih untuk meraih peluang yang diberikan dalam meningkatkan lagi


kemahiran kepimpinan diri masing-masing ke arah menjadi pemimpin-pemimpin yang berdaya tahan, berfikiran ke hadapan, dan mampu menangani cabaran-cabaran yang semakin rumit seperti perubahan iklim.

EDPSGO Ke-32 merupakan kali ketiga dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore.

Antara objektif program eksekutif 13 minggu ini adalah untuk menggilap lagi keupayaan kepimpinan, kemahiran analisis dalam bidang penggubalan dasar awam dan pengurusan strategik serta penganalisan dan penglibatan pihak berkepentingan para peserta program.

EDPSGO merupakan salah satu program yang dilaksanakan di bawah inisiatif Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) yang diwujudkan untuk menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pembangunan Institusi di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam.

PERANAN WANITA PENTING DALAM KESEJAHTERAAN BERKELUARGA



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Ogos. - Kejayaan sesebuah keluarga tidak dapat dipisahkan daripada peranan seorang wanita, sama ada sebagai seorang isteri, ibu, anak mahupun anggota masyarakat.

Dalam sesebuah rumah tangga, wanita diibaratkan sebagai tiang kepada sesebuah rumah tersebut.

Jika kukuh tiangnya, maka kukuhlah rumah itu. Tetapi jika goyah, maka runtuhlah seluruh bangunan.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis sahih daripada Abdullah bin 'Umar Raadiallahu anhum: "Seorang lelaki adalah pemimpin yang bertanggungjawab ke atas

HADIR menyerikan lagi acara Munajat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

keluarganya, manakala seorang isteri menjadi pemimpin yang bertanggungjawab menguruskan rumah suaminya dan anak-anaknya (Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Justeru itu, wanita yang cemerlang bukan semata-mata yang cantik luaran atau berjaya di tempat kerja, tetapi ialah wanita yang menjaga adabnya, imannya, dan keperibadiannya.

Perkara tersebut antara yang ditekankan dalam tazkirah bertajuk 'Wanita Cemerlang, Keluarga Gemilang' disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Dayang Siti Amal Zakiah binti Haji Md. Yusof, bagi menyerikan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-26 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-192.

Acara Munajat malam tadi

disertai oleh ahli-ahli wanita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) yang bersiaran dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis/Madang.

Turut serta ialah ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara. Juga, warga kerja wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bersama keluarga serta individu yang turut hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Menyerikan lagi acara Munajat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pengarah Bahagian Wanita, PGGMB, Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar, dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis/Madang.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Dayang Hajah Jusnani binti Awang Taha selaku ahli wanita PGGMB.

Manakala Doa Munajat dibaca oleh Pegawai Pelajaran

Ugama Kanan, Jabatan Pengajian Islam, Dayang Ernalisa @ Hanisah 'Aqilah binti Haji Shaheed.

Sejurus selesai Tazkirah, diteruskan dengan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd. Wahab, ahli wanita PGGMB.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam, Dayang Norsuqiyah binti Awang Jamil.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

Memupuk semangat keusahawanan, inovasi dalam kalangan pelajar berkeperluan khas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Karnival Pendidikan Khas sempena 30 Tahun Penubuhan Jabatan Pendidikan Khas.

Karnival berkenaan berlangsung selama dua hari bermula 2 Ogos 2025 hingga hari ini, bertempat di Pusat Membeli-Belah OneCity.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan dan Hari Demo Bootcamp, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Pelbagai pertandingan serta Hari Demo Bootcamp telah dianjurkan sepanjang karnival berkenaan yang melibatkan

penyertaan murid - murid berkeperluan khas daripada sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Antara acara utama yang diadakan ialah Pertandingan Kolaj, Pertandingan Pakaian Etnik atau Tradisional dan Pertandingan Nyanyian Solo.

Selain itu, Program Bootcamp juga diadakan dengan tujuan untuk memupuk semangat keusahawanan dan inovasi dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah kerajaan dengan pusingan awal bagi semua kategori pertandingan berlangsung dari 17 hingga 21 Julai 2025.

Bagi Pertandingan Kolaj, finalis terdiri daripada 15 murid sekolah rendah, 15 murid sekolah menengah, serta empat peserta jemputan dari Limbang, Sarawak dan Labuan, Wilayah Persekutuan

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut.

Malaysia.

Sementara itu, bagi Pertandingan Pakaian Etnik atau Tradisional, finalis terpilih terdiri daripada 15 murid lelaki dan 15 murid perempuan daripada sekolah rendah, serta empat peserta jemputan dari negeri dan wilayah berkenaan.

Manakala bagi Pertandingan Nyanyian Solo pula, seramai 16 finalis dikenal pasti, merangkumi lima murid sekolah rendah, tujuh murid sekolah menengah, serta empat peserta jemputan, juga dari negeri dan wilayah berkenaan.

Selain pertandingan, karnival berkenaan turut menampilkan pameran dan jualan produk melalui Program Bootcamp.

Program yang memasuki edisi kelima, dianjurkan dengan kerjasama Pusat Inovasi Keusahawanan (EIC) di bawah Kementerian Pendidikan, dirangka untuk memupuk kreativiti, keyakinan diri serta pemikiran keusahawanan secara praktikal dalam kalangan pelajar berkeperluan khas.

ANTARA persembahan salah seorang peserta pada majlis berkenaan yang diadakan di Pusat Membeli-Belah OneCity.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Program tahun ini melibatkan pelajar daripada 17 buah sekolah menengah di bawah Program Pra-Vokasional dan 12 buah sekolah rendah di bawah Program Pendidikan Khas.

Karnival yang dibukakan kepada orang ramai berkenaan turut menampilkan elemen interaktif seperti 'Playful Pavilion', iaitu ruang pameran yang menawarkan pengalaman *immersive* yang mensimulasikan cabaran komunikasi dan fizikal melalui pelbagai aktiviti yang menyeronokkan dan menarik.

Ruang pameran berkenaan bertujuan untuk memupuk empati serta pemahaman yang lebih mendalam terhadap pengalaman harian individu berkeperluan khas.

Melalui penganjuran karnival berkenaan, Kementerian

Pendidikan berhasrat untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kebolehan, aspirasi dan keperluan unik para pelajar berkeperluan khas.

Inisiatif berkenaan juga bertujuan untuk menggalakkan ekspresi diri, membina keyakinan, serta memupuk nilai-nilai inklusif, sekali gus membantu mengurangkan stigma dan mendorong empati dalam kalangan masyarakat.

Antara acara kemuncak karnival berkenaan ialah 'Run for Inclusion', yang dijadualkan berlangsung pada penghujung Ogos 2025.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan, para pegawai Kementerian Pendidikan, pengetua-pengetua sekolah, guru, pelajar serta wakil daripada agensi berkaitan.



سړك ډرځي

بليا سياك ماس دفن

جماعه يڅ درځني الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبحانهٗوَتَعَالٰى دځن منيځكتكن كلټامن كځدن. سسځكوځن اورځ يڅ فالينځ مليا دسيسې الله سُبحانهٗوَتَعَالٰى ايت ايله اورځ يڅ فالينځ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يڅ سنتياس مغايځي الله سُبحانهٗوَتَعَالٰى، براوله كحيان دان كسلامن ددنيا دان جوځ داخيرة.

جماعه يڅ درځني الله،

ستياځ نكارا فسټي مغهارفكن اونتوق ممقويي رعيث دان قندودوق يڅ ممقو مبومينځ كاره كماجوان، كحيان، كامانن دان كمعمورن باكي مباحون نكارا. دالم حسرت دان جيتا-جيتا كيت اونتوق مباحون اومه، بغسا دان نكارا، كيت بوكن هان بركتنوخ كځد كمانتنن ايكونومي سمات-مات بهكن بركتنوخ جوځ كځد سومر تناك مانسي يڅ انتاران ايله كولوغن بليا.

بليا اداله هارفن نكارا. اينله جوكن كات يڅ سريځ ددغر دان سوده سينونيم دځن كولوغن بليا يڅ مروفاكن كلومقوك دومينن دان برغفاروه دمې ملاهركن سبواه نكارا دان بغسا يڅ برجاي. مغاف كيت ممفوكوسكن كځد بليا؟ مغاف نكارا مغاوتامانن فركارا-فركارا يڅ برهوبوغ كايت دځن بليا؟ جوافن بليا اداله باكل فواريس بغسا، مريكله يڅ اكن منايي سكل تغكوغجواب دمې مغوكوهكن قمباغونن نكارا دان دباهو مريكله جوځ ترلتن جابرن باكيما اونتوق ككل منجمرفلكن نكارا دماث دنيا.

جماعه يڅ درځني الله،

جنراسي مودا هاري اين اداله جرمينن وجه نكارا اكن داتځ. منوروت دوكتور يوسف القرضاوي كاتن: "اقبل كيت هندق مليهت وجه نكارا قد ماس هادفن، ليهتله جنراسي مودان قد هاري اين، سكيان كولوغن مودا قد هاري اين اداله دري كالغن يڅ براخلاق دان برهيمه تيځكي، تنن نكارا كيت قد ماس اكن داتځ اداله سبواه نكارا يڅ امان معمور، تناي جك كادان اداله سبالينن مك برسدياله اونتوق برهادفن دځن كموځكين بوروق يڅ اكن برلاكو."

جنراسي مودا اتاو بليا مروفاكن تياغ دان ساندرن نكارا سرتا منجادي سومر تناك مانسي يڅ ساغت برنيلاي. قد مريك دلتنكن جيتا-جيتا سرتا هارفن نكارا دماس هادفن. سباكاي هارفن نكارا، مريك مميكول تغكوغجواب يڅ امت بسر.

اوليه ايت، مريك فرلو دهننوق دان دفرسيفكن دځن نرټيه، نيلاي-نيلاي دان كفهنن اسلام سحج دري كجيل لاكي باكي منايي متلامت دان اسفيرسي نكارا يڅ دجيتايي. اونتوق ملاهركن بليا بروني يڅ جمرلځ، اد بيراف جيري يڅ فرلو دميليكي اوليه ستياځ بليا، انتاران:

قرتام: برلمان يايث فاتوه دان برفكځ تكوه كځد اجرن اكامن.

كلوا: برعلمو يايث ممقويي علمو فقتهوان دان كماهرون اونتوق منراجوي نكارا دماس هادفن. بغسا يڅ منيتقيرتكن قنديدين اداله بغسا يڅ ممقويي ماس دفن.

كيك: بربودايا يايث دافت ممقرتاهنكن دان مملهارا جيري-جيري كرونين سغري بربودي بهاس، معمرمي اورځ توا، برسوقن سنتون دان لاي-لاين، كران بوديا ايت منجرمينكن كقريادين دان اديتتي سسواتو بغسا.

كامفت: بركاوفيان يايث دافت برداي تاهن دان برداي سپايځ ديرا كلوباليساسي يڅ سماكين كومقيتيتيځ دان ممبوليهكن نكارا كيت سبالينځ دځن نكارا-نكارا ماجو.

كليځ: برنكارا يايث مميليقي صفة ناسيوناليسما ددالم ديري مريك باكي ممقستين مريك منجيتايي بغسا دان نكارا دمې قمباغونن نكارا.

دځن مميليكي صفة اتاو جيري-جيري ترسبوت، مك اي اكن دافت ممبتو ملاهركن بليا هوليسيتي يڅ جمرلځ يڅ ممقويي راس تغكوغجواب دمې بغسا دان نكارا. دځن مميليقي صفة-صفة اين جوځ، فارا بليا اكن دافت برفيكر دان مپدري اكن قرانن دان تغكوغجواب مريك ترهادف قمباغونن نكارا دان جوځ سباكاي فنروس كسينمبوغن فتنديبران دان كماجوان قمباغونن نكارا.

جماعه يڅ درځني الله،

دالم اوسها ممباغون بليا دنكارا اين كراجان كباوه دولي يڅ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يڅ دفتروان نكارا بروني دارالسلام سنتياس ممريكن فرهاتين يڅ فنوه ملالوئي فيديان برتروسن فروگرام-فروگرام قمباغونن كافسيي، كموداهن-كموداهن قراسارنا، انفراسټروكتور سرت ببتوان فيزكل دان ببتوان فيسكل.

جنراسي مودا فرلو برسديا دان برداي تاهن دالم مفهادي جابرن دنيا يڅ سماكين بركميځ. مريك هندقله ممفوكوسكن كځد بيراف فركارا يڅ انتارن:

فرتام: ايكونومي دان كفلوان فكرجان ماس دفن. بليا فرلو برسديا اونتوق منيځكتكن كماهرون اكر سنتياس ريليون دان سحاجر باكي كفلوان فكرجان دماس دفن.

كلوا: كځكان سوسيال دان اينكلوسيف. بليا يڅ سياك ماس دفن ايله مريك يڅ جكنا ترهادف كومونيي، فكا ترهادف ايسو سوسيال دان ممقو مامو فروبهن يڅ اينكلوسيف دان كترليتن بليا دالم مشاركت.

كيك: كقيمينن دان داي تاهن. بليا بوكن سقدر فغيكوت، مريك اداله قمقيمين يڅ فرلو داسوه دځن نيلاي اينټركريي، امغي دان كجكالن مينتل.

اخيرن، باكي منجامين كمعمورن دان كماجوان نكارا كيت اين اكر برتروسن دان سنتياس ممباغون دري ماس كماس، كيت امت ممولوكن كولوغن فلاقيس يايث كولوغن بليا كران مريكله يڅ باكل مځكني باكي منروسكن اوسها دالم ممباغون اومه دان نكارا دماس هادفن. سام-سامله كيت بردعاء سموك بليا-بليا كيت اكن سنتياس برادا دجالن يڅ بئر دان دريضاي الله سُبحانهٗوَتَعَالٰى جوا، آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسيرن:

كامو (واهاي اومت ني محمد) اداله سبايك-بايك اومت يڅ دلاهيركن اونتوق مانسي (كران) كامو مپوروه برپوات يڅ معروف دان ملارځ درقد يڅ موځكر دان برلمان كځد الله. دان كالو اهل كتاب (يهودي دان نصراني) برلمان، تننوله يڅ دمكين ايت بايك باكي مريك. (تناي) سباكين درقد مريك اد يڅ برلمان دان كبايكن مريك ايله اورځ فاسق. {سورة آل عمران آية: ١١٠}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قُورَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

DAERAH TUTONG DESTINASI TERAKHIR PENTARAMA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUTONG, Ahad, 3 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik dengan kerjasama Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah mengadakan persembahan PENTARAMA sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 di Daerah Tutong, bertempat di Pentas Perayaan,

kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, di sini.

PENTARAMA, iaitu pentas, tari dan drama ialah salah satu kaedah yang digunakan oleh Jabatan Penerangan sejak 1988 untuk menyalurkan maklumat rasmi kepada orang ramai secara bersemuka melalui persembahan pentas.

Melalui program berbentuk infotainment berkenaan, Jabatan Penerangan secara tidak langsung memberikan pendidikan dan perkongsian maklumat kepada pelbagai peringkat kelompok sasaran tentang nilai-nilai positif, kesedaran sivik dan semangat patriotisme, keagamaan,

SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat persembahan PENTARAMA yang diadakan di Pentas Perayaan, kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kanan). Sementara gambar bawah kiri, salah seorang penonton yang menyertai kuiz PENTARAMA.



pendidikan dan perutusan atau mesej yang berkisar hal ehwal semasa negara, termasuk masalah sosial dalam kalangan masyarakat, seperti penyalahgunaan dadah, penyebaran berita palsu dan lain-lain.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah selaku Pengerusi Persembahan PENTARAMA; Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Timbalan Pengerusi Persembahan PENTARAMA; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; Penghulu dan Ketua-ketua Kampung serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Persembahan dimulakan

dengan lagu tema 'PENTARAMA' dan tarian daripada Penari Arts and Culture Club, Cosmopolitan College, dan diteruskan dengan nyanyian solo dan berkumpulan daripada artis-artis tanah air, iaitu Rasyiqah, Dayat, Krunn dan Yanie.

Manakala persembahan drama pentas bertajuk 'Medsos Melalaikan' daripada Kumpulan Pentas Insan Seni mengisahkan tentang ibu bapa yang terlalu sibuk dengan media sosial sehingga lalai dalam mengerjakan kewajipan agama, lupa akan adab sopan terhadap orang tua serta tanggungjawab mendidik anak. Akhirnya, kerana kelalaian berkenaan, tanpa disedari anak mereka terjerumus dengan sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Para penonton juga dihiburkan dengan persembahan lawak

jenaka daripada Najib dan Loh dari kumpulan BruHaha yang membawakan mesej untuk sentiasa berwaspada ketika menggunakan media sosial bagi mengelakkan penipuan dalam talian.

Selain itu, turut diadakan ialah kuiz PENTARAMA untuk para penonton, dan penyampaian hadiah kepada pemenang kuiz disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara kemudiannya diakhiri dengan persembahan nyanyian oleh barisan artis dengan membawakan lagu 'Dirgahayu'.

Daerah Tutong merupakan destinasi terakhir persembahan PENTARAMA pada tahun ini setelah diadakan di Daerah Temburong pada 28 Julai, Daerah Brunei dan Muara pada 30 Julai, dan Daerah Belait pada 2 Ogos.

PENTARAMA meriahkan Pentas Perayaan Daerah Belait



KUALA BELAIT, Sabtu, 2 Ogos. - Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 bagi Daerah Belait diteruskan lagi malam tadi dengan Persembahan PENTARAMA bertempat di Pentas Perayaan, Kawasan Gerai Tudung Saji Kuala Belait.

Persembahan PENTARAMA merupakan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik,

Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah selaku Pengerusi Persembahan PENTARAMA; Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Timbalan Pengerusi; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amiroi Hafidzin bin Haji Muhammad; Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Persembahan dimulakan dengan lagu tema PENTARAMA dan tarian daripada penari Arts and Culture Club, Cosmopolitan College dan diteruskan dengan nyanyian solo dan berkumpulan daripada artis tanah air iaitu Rasyiqah, Dayat, Krunn dan Yanie.

Manakala persembahan drama pentas yang bertajuk 'Medsos Melalaikan' daripada kumpulan pentas Insan Seni yang mengisahkan tentang ibu bapa yang terlalu sibuk dengan media sosial sehingga lalai dalam mengerjakan kewajipan, agama, lupa akan adab sopan terhadap orang tua serta tanggungjawab mendidik anak. Akhirnya kerana kelalaian tersebut, tanpa disedari



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang Kuiz PENTARAMA (kiri dan atas).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

anak mereka terjerumus dengan sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Penonton turut dihiburkan dengan persembahan lawak jenaka oleh Najib dan Loh (BruHaha) yang membawakan mesej untuk sentiasa berwaspada ketika menggunakan media sosial bagi mengelakkan penipuan dalam talian.

Acara turut diserikan dengan Kuiz PENTARAMA, di mana hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat kepada para pemenang dan diakhiri dengan persembahan lagu Dirgahayu oleh barisan artis.

PENTARAMA akan diteruskan

lagi ke Daerah Tutong pada Ahad, 3 Ogos 2025 berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong. Orang ramai dialu-alukan untuk hadir bagi memeriahkan lagi persembahan tersebut sebagai tanda sokongan dan kecintaan terhadap raja dan negara.

PENTARAMA adalah singkatan kepada pentas, tari dan drama iaitu merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan sejak tahun 1988 untuk menyampaikan maklumat rasmi secara langsung melalui pendekatan berunsur hiburan (infotainment).

PERANAN PENTING TENAGA KERJA KEJURURAWATAN DALAM MEMPERKUKUH EKONOMI

■ Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Kesihatan



PEMANGKU Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan hadir selaku tetamu kehormat di Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2025 bagi Daerah Belait di Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Kuala Belait (atas). Manakala gambar kanan, mini pameran dan reruai jualan makanan dan minuman diadakan di Ruang Legar Klinik Pakar (Aras Bawah), HSSB.

BELAIT, Sabtu, 2 Ogos. - Hari Jururawat Antarabangsa atau International Nurses Day (IND) pada lazimnya disambut pada 12 Mei dan Hari Bidan Antarabangsa atau International Day of Midwife (IDM) disambut pada 5 Mei setiap tahun.

Pada tahun ini tema bagi Hari Jururawat Antarabangsa 2025 telah dipilih oleh International Council of Nurses (ICN) iaitu 'Jururawat Kami. Masa Depan Kita. Menjaga Jururawat Mengukuhkan

Ekonomi' (Our Nurses. Our Future. Caring for nurses strengthens economies).

Tema ini dipilih bagi menekankan tentang peranan penting yang dimainkan oleh tenaga kerja kejururawatan yang sihat dalam mengukuhkan ekonomi, meningkatkan sistem kesihatan dan memastikan hasil yang lebih baik untuk komuniti di seluruh dunia.

Sementara itu, tema Hari Perbidanan Antarabangsa tema



bagi tahun ini, 'Bidan : Kritikal Dalam Setiap Krisis' (Midwives : Critical in Every Crisis).

Oleh yang demikian, Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Kuala Belait telah mengadakan Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2025 bagi Daerah Belait. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, Awang Haji Salehkamal bin Haji Badarudin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Guru Ugama, Awang Haji Md. Ali Omar dan diteruskan dengan

penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Mencipta Poster bersempena dengan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2025 anjuran Pejabat Pentadbiran Kejururawatan, HSSB serta penyampaian cenderahati kepada jururawat dan bidan HSSB yang bersara.

Antara aktiviti-aktiviti lain semasa sambutan berkenaan ialah mini pameran dan reruai jualan makanan dan minuman. Pameran mini dan reruai jualan makanan dan minuman diadakan di Ruang Legar Klinik Pakar (Aras Bawah), HSSB, Kuala Belait.

Orang ramai dialu-alukan hadir bagi memeriahkan aktiviti-aktiviti ini yang akan diadakan bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Turut hadir, pegawai serta kakitangan HSSB, Kuala Belait.

Adapun objektif sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa pada tahun ini adalah sebagai satu wadah untuk menyatukan perpaduan kejururawatan dan perbidanan ini di HSSB, Kuala Belait dan bersama-sama menyambut hari memperingati jasa-jasa jururawat dan bidan di negara ini.

34 murid Darjah VI diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Ogos. - Seramai 34 murid Darjah VI Sesi Pagi Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkihah, Kampung Burong Pingai Berakas yang terdiri

daripada 15 murid lelaki dan 19 murid perempuan diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di dewan sekolah berkenaan, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu khas majlis diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Seterusnya bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh Awang Ahmad Kasyfi Hakemi bin Adly Ariffin. Kemudian selepas itu, majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir yang diselenggarakan dengan penyampaian

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Sijil Khatam oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Shahrudin bin Haji Ibrahim. Majlis Khatam Al-Quran ini antara lain bertujuan untuk meraikan dan memberi penghargaan kepada para pelajar yang telah berusaha gigih sehingga berjaya menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyemai semangat kecintaan terhadap Al-Quran dan

menggalakkan budaya membaca Al-Quran.

Majlis-majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di persekolahan agama di negara ini adalah bagi mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran yang menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan hidup beragama di samping sebagai usaha pihak Jabatan Pengajian Islam dalam sama-sama mengukuhkan syiar Islam di negara ini.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Khatam (atas). Manakala gambar bawah, para peserta khatam yang diraikan di majlis berkenaan.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Isu Pengangguran, Keperluan Penyesuaian Kurikulum'. Tarikh Tutup : 6 Ogos 2025
- 2.'Gaya Hidup Sihat Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup'. Tarikh Tutup : 13 Ogos 2025
- 3.'Kebaikan Menjadi Masyarakat Berdisiplin, Bertoleransi'. Tarikh Tutup : 20 Ogos 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU


Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Bilangan Tawaran:
JDBM / Q / 51 / 2025

Tawaran:
Kerja-Kerja Membuka Sebahagian Atap, Mengganti Saluran Air Serta Memasang Lampu Baharu Bertempat Lorong Blok C, D dan E, Pasar Pantai Jerudong, Mukim Sengkulong Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa, 19 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
17 / JS / A / 14 / 2024 PT. 2

Keterangan:
Pelaksanaan Takaful Keluarga Berkelompok Bagi Pegawai Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh Mulai 1 September 2025 Hingga 31 Disember 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 12 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
IV & V sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
30 Julai 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Tidak lewat Selasa, 19 Ogos 2025
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 26 Ogos 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 14 / 2025

Nama Projek:
Pengurusan Pemeliharaan Berintegrasi Bagi Istana-Istana dan Rumah Kediaman Tetamu VIP, Daerah Brunei – Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



IKLAN TARIKH LANJUTAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
S02 & S03 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Rabu,
6 Ogos 2025

Tarikh Tutup Dilanjutkan:
12 Ogos 2025
(Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 023 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Pembersihan Kawasan Tangki-Tangki Zone 'B' Di Daerah Brunei Dan Muara Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / TUT / 002
[JPPK / LTK / 11 / 2025]
Planned Preventive Maintenance for Janitorial, Grass Cutting and Landscaping at Tutong Camp

Tarikh Mula Tawaran:
28 Julai 2025

Kelas:
III dan ke Atas

Kategori:
S02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan (8) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada Jumaat, 15 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / IL / 002
[JPPK / LTN / 06 / 2025]
Proposed Design and Build for Renovation of 'F' Flat F17 to Military Police Training School, RBAF, Penanjong Garrison

Tarikh Mula Tawaran:
4 Ogos 2025

Kelas:
III dan ke Atas

Kategori:
KA01, B01 and / or M01, E01 dan E02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Enam (6) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Khamis, 4 September 2025**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
9 September 2025,
2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / TUT / 001
[JPPK / LTK / 10 / 2025]
Eight (8) Months Term Contract for The Operational Maintenance and Corrective Repair Works of RBAF Facilities at Tutong Camp

Kelas:
III dan ke atas sahaja

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan (8) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen (MINDEF SOR 2019) (Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Jumaat, 15 Ogos 2025**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 19 Ogos 2025
2.00 Petang



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 41 / UP / 17

Tajuk Sebut Harga:
General Repair Works At Public Toilet And Cleaner Cabin Gadong Fish Market, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran:
06 / 2025-2026

Tajuk Tawaran :
Tawaran Khidmat Pengawal Keselamatan Seramai 4 Orang (2 Orang Per Syif) Selama 24 Jam Sehari Untuk Menjaga Bangunan Baharu Bekas TELBRU, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bagi Tempoh 1 Tahun (Re-Tender)

Tarikh Tutup:
Selasa,
12 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang





Bilangan Tawaran:
16 / JULY / 2025 / KKBS / SECURITY / OBBD

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Untuk Bangunan Kompleks Kem Latihan Outward Bound Brunei Darussalam, Kampung Batang Duri, Daerah Temburong, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-003
(01-2025)

Tajuk Sebut Harga:
Re-Quotation Membekal Peralatan Dan Perkakas Kegiatan Darat, Air Dan Tali Menali Di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
7 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
02 / KKBS / HK42 -2026

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Dan Menghantar Bendera-Bendera Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-42, Tahun 2026

Tarikh Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
-

Kategori :
-

Tarikh Buka Tawaran pada:
Rabu 23 Julai 2025

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Khamis 4 September 2025

Tarikh Tutup Pada:
Selasa 28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025
Melabur, Mereka Bentuk, Membangun Dan Mengendalikan Loji Waste To Energy Di Negara Brunei Darussalam.

No. Projek:
JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025

Yuran Tawaran:
BND5000.00 (Non Refundable)



Bilangan Tawaran:
RTB / 07 / 2025

Tajuk Tawaran:
The Provision of Leasing A3 Multifunction Printers (MFP) Inclusive of Consumables with Comprehensive Maintenance and Support Services for Radio Television Brunei for A Period of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
RTB / 08 / 2025

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning and Training of The Network Firewall System for Radio Television Brunei with Maintenance and Support Services

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 2 September 2025
2.00 Petang



Iklan Tarikh Lanjutan

Kelas:
(VI Sahaja)

Kategori:
[KA01, KPB04 & ME03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
6 Ogos 2025 (Rabu)

Tarikh Tutup:
12 Ogos 2025 (Selasa):
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 025 / 2025

Nama Projek:
Meningkatkan Taraf Loji-Loji Rawatan Air - Pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat 8 - Pakej 2, Kerja-Kerja Penambahbaikan

Yuran Tawaran:
BND2,000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 024 / 2025

Tajuk:
Replacement of Bare Overhead Conductors to Insulated Aerial Bundle Conductors at Jalan Bang Ligi Kg Bukit, Tutong for One Year

Tarikh Tutup:
Selasa,
19 OGOS 2025
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB 3913
Negara Brunei Darussalam.



Bilangan Sebut Harga:
2 / OGOS / 2025 / PSB / PD.575
Perkhidmatan Pemeliharaan, Pemuliharaan Dan Pembersihan Bangunan Pusat Sejarah Brunei Serta Bangunan Pusat Pengkajian Borneo Dan Makam-Makam Sultan Brunei Di Bawah Kawalan Pusat Sejarah Brunei

Bilangan Sebut Harga:
3 / OGOS / 2025 / PSB / PD.575
Membekal, Menghantar Dan Memasang Permaidani Di Galeri Salasilah Dan Surau Pusat Sejarah Brunei

Tarikh Tutup:
Khamis,
21 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 / 14

Tajuk Tawaran:
Tawaran Perkhidmatan Bagi Mencetak, Membekal Dan Menghantar Bahan-Bahan Cetakan Bagi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tempoh Selama Dua Belas (12) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025

Yuran Tawaran:
Tidak dikenakan bayaran



Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 44 / BPAK / 03

Keterangan Tawaran:
Tawaran Sebut Harga Bagi One (1) Year Term Contract Daily Cleaning And Waste Disposal Of Gerai Malam Tamu Selera, Jalan Dato Taib, Bandar Seri Begawan.

Yuran Tawaran:
BND9.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



Iklan Tarikh Lanjutan

JUA 06 / 2024
Consultancy For The Enhancement Of Hydrographic Services And Development Of Marine Spatial Data Infrastructure

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
19 Ogos 2025



Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / A&S / PS / 001 / 2025

Tajuk Tawaran:
Pembekalan Dan Penghantaran
Peralatan Pakaian Seragam
Pegawai-Pegawai Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Awam

Bayaran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 19 Ogos 2025



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
29 Julai 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
12 Ogos 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 024 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Untuk
Mengendalikan Dan Memelihara
Loji Kumbahan Kampung Pandan,
Kuala Belait Bagi Tempoh
24 Bulan

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-008

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / LOG /
TA / 01
Pembelian Motosikal dan Trailer
Motosikal Polis Tentera ABDB

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
Selasa,
19 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
26 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(1) NDMC / TSH / 2025-2026
Relocation Of Disaster
Logistics Storage (DLOGS)
Sungai Mau, DDMC
Belait To Sungai Mau
Multipurpose Hall,
Kampung Sungai Mau

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(2) NDMC / TSH / 2025-2026
To Supply, Delivery And Install
For DDMC Belait Boat Shed
At Kampung Sukang

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(3) NDMC / TSH / 2025-2026
Relocation Of Disaster
Logistics Storage (DLOGS)
Sukang,
DDMC Belait To Sungai Mau
Multipurpose Hall,
Kampung Sungai Mau

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Rabu,
27 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 /
T / BOL / 001
[JPPK / LTN / 07 / 2025]
To Supply And Replace Fire Alarm
System At MINDEF Headquarters
Bolkiah Garrison

Tarikh Mula Tawaran:
28 Julai 2025.

Kelas:
III dan ke Atas

Kategori:
KPME05, E01 dan E02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Enam (6) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Jumaat, 29 Ogos 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
2 September 2025.
(Selasa)
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 11 /
2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Glass Door Replacement Works,
Fire Hose Louvered Door
Repairworks, And New Tiles
Replacement Works To
Ground Floor Male And Female
Toilet At Bangunan Baharu
Jabatan Daerah Tutong.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin,
11 Ogos 2025.



Bilangan Sebut Harga:
19 / JULY / 2025 / KKBS / PJK /
16.105

Tajuk Sebut Harga:
External Repainting Work To Block
1, Block 2, Block 3, Block 4 And
Block 5 For Program Khidmat
Bakti Negara Training Camp,
Batu Apoi, Temburong.

Tarikh Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025



Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2025 – 2026 / 4

Tajuk Tawaran:
Consultancy & Certification
Services: Implementation of
GSTC Certification for Tourism
Destinations in Brunei Darussalam



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0017 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Provide And Conduct
Diving Training Course For The
Staffs Of Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis,
14 Ogos 2025



KESALAHAN-KESALAHAN

DI BAWAH
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**





IMBASAN MINGGUAN



LAFAZ ikrar oleh para pelajar baharu Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai simbol komitmen mereka untuk menjunjung nilai dan integriti akademik UBD. - Foto : Azmah Haji Ahad

PARA pelajar Sekolah Menengah Berakas diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang telah berlangsung di Dewan Anggerek, sekolah berkenaan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MAJLIS Persantapan Diraja diserikan dengan alunan lagu dan muzik pancaragam yang dipersembahkan oleh Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei serta gabungan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simfoni Belia Brunei dan Kumpulan Muzik Belia Sireh. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

ANTARA aktiviti semasa PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

ANTARA peserta yang menyertai Kelas Kemahiran Membuat Kek Roll dan Kek Cawan bagi Kelas Bimbingan Muslimah Masjid. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman



IRAMA Gambus Warisan dari 7 Rumpun Keluarga Nayan (7RKN) memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025, di Daerah Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

AWANG MUHD. NUR ASHRAAF IZZUDIN JUARA PERADUAN SENI LATTE

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Muhammad Fahmi Haji Bahrin



KERIAM, Ahad, 3 Ogos. - Kreativiti dan kekemasan serta corak yang begitu menarik yang dihasilkan oleh Awang Muhd. Nur Ashraaf Izzudin bin Mohd. Nur Adenan dari Erti Kafe telah menambat hati juri hakim sehingga dinobatkan sebagai juara Peraduan Seni Latte (Latte Art Competition), hari ini.

Sementara, Warren Jap Peter Kalong dari Macchiato Café; dan Awang Md. Haikal Danish Abdullah

Nuririffin dari Poursha, masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga.

Juara membawa pulang hadiah berupa Time More Scale, sijil penyertaan dan juga *frame*, manakala pemenang kedua dan ketiga pula masing-masing membawa pulang cawan (Professional Athletic Asia) dan (Mhw3bomber) selain sijil penyertaan dan juga *frame*.

PENOLONG Pegawai Daerah Tutong hadir menyempurnakan penyampaian hadiah pada majlis tersebut (kiri). Manakala gambar kanan, antara peserta yang menyertai pertandingan berkenaan.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah pada majlis yang berlangsung di Kafe Ceramint di sini, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Seramai 16 peserta bertanding pada peraduan berkenaan yang mewakili kafe di negara ini termasuk seorang peserta persendirian.

Pertandingan berkenaan juga dinilai oleh para hakim dan konsultan seramai enam orang yang mengikuti piawai (standard) World Latte Art Competition (WLAC).

Adapun objektif pengajuran peraduan berkenaan antaranya bagi menonjolkan kemahiran barista, iaitu memberi platform kepada barista (amatir atau profesional) untuk menampilkan kreativiti, ketepatan, dan kawalan dalam seni latte.

Selain itu, mempromosi Budaya Kopi Istimewa (Specialty Coffee) ke arah menggalakkan penghargaan terhadap kualiti kopi



dan kemahiran pembuatan dalam kalangan komuniti, menggalakkan perhubungan komuniti dengan mengumpulkan barista, pelanggan, dan pencinta kopi untuk berinteraksi, berkenalan sekali gus membina komuniti kopi yang lebih kukuh.

Di samping itu, ia juga diharap dapat mempertingkatkan kesedaran jenama dan pemasaran, iaitu meningkatkan keterlihatan kafe, penaja, atau *penyangai* kopi tempatan melalui peluang penjenamaan semasa

acara.

Dengan mencungkil bakat muda dan baharu, peraduan juga dapat memberi pengalaman pelanggan yang menarik dengan menyediakan hiburan dan suasana yang menyeronokkan kepada pengunjung, menjadikan kafe atau lokasi acara lebih diingat serta menyokong jaringan industri kopi, iaitu memberi peluang kepada kafe tempatan, pembekal dan vendor untuk bekerjasama dan saling menyokong melalui penajaan mahupun penyertaan.

Memperkukuhkan kepentingan pendidikan mengenai hak pengguna



SESI perkongsian yang dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama guru-guru perdagangan dalam Subject-Based Committee - Commerce dari sekolah-sekolah di seluruh daerah telah diadakan di Sekolah Menengah Rimba II.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Ogos. - Memupuk pengguna muda yang bijak dan berpengetahuan merupakan satu langkah bermakna bermula dari sesi perkongsian ilmu bersama guru-guru perdagangan dalam Subject-Based Committee - Commerce dari sekolah-sekolah di seluruh daerah.

Sesi ini bertujuan untuk memperkukuhkan kepentingan pendidikan mengenai hak pengguna, seawal dari kelas pendidikan.

Sesi ini dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP), dimulakan dengan penerangan mengenai peranan dan tanggungjawab jabatan, serta objektif utama sesi tersebut.

Empat objektif utama yang diketengahkan adalah pemahaman tentang hak-hak pengguna, menjadi pengguna yang bijak, penggunaan aplikasi

PenggunaBijak sebagai alat maklumat digital, dan meneroka bahan rujukan bagi para guru.

Pembentangan kemudian beralih kepada pengenalan mengenai Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Penggal 261, khususnya berkaitan amalan perniagaan yang tidak wajar termasuk mengelirukan pengguna, membuat kenyataan palsu, dan mengambil kesempatan terhadap pengguna.

Peranan pengawalselia sektor yang berbeza di Negara Brunei Darussalam turut dikongsikan.

Seterusnya, para peserta terlibat dalam sesi undian (*polling*) untuk menilai reaksi mereka apabila berhadapan dengan amalan perniagaan yang tidak wajar.

Kemudian, sesi diteruskan pula dengan panduan untuk menjadi pengguna yang bijak, dengan menekankan tiga hak pengguna iaitu hak untuk mendapatkan

maklumat, hak untuk memilih, dan hak untuk mendapatkan ganti rugi.

Aplikasi mudah alih PenggunaBijak dipamerkan sebagai alat praktikal untuk menjadi pengguna yang bijak.

Ciri-ciri seperti 1-2-Compare, pemantauan harga mingguan, dan saluran membuat aduan juga dikongsikan di samping maklumat lain yang boleh diakses di laman sesawang jabatan serta daripada sumber serantau.

Sesi perkongsian yang diadakan di Sekolah Menengah Rimba II diakhiri dengan kuiz interaktif dan sesi soal jawab, di mana peserta berpeluang mengemukakan pertanyaan mengenai senario sebenar yang melibatkan amalan perniagaan yang tidak wajar serta tindakan yang boleh diambil oleh pihak jabatan.

Sebarang pertanyaan berkaitan isu pengguna boleh diajukan kepada jabatan melalui Talian Darussalam 123 dan e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn.

Mempertingkatkan pembarigaaan maklumat gaya hidup sihat



SESI bergambar ramai setelah majlis menandatangani kontrak yang berlangsung di Kementerian Kesihatan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Promosi Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Laman sesawang Promosi Kesihatan di Tempat Kerja (WHP) merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh Pusat Promosi Kesihatan dan disokong oleh Gleneagles JPMC Sdn. Bhd.

Ia adalah sebuah platform yang menyediakan maklumat berkaitan dengan gaya hidup sihat, khususnya kesihatan di tempat kerja.

Sebagai usaha dalam meningkatkan lagi keberkesanan laman sesawang Promosi Kesihatan di Tempat Kerja (WHP) tersebut, Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan telah pun menandatangani kontrak bersama Tiga Creative Studio, bagi penambahbaikan kualiti video bagi setiap modul di atas talian serta menghasilkan kandungan *reels* untuk dimuat naik ke platform media sosial.

Majlis menandatangani kontrak ini berlangsung di Kementerian Kesihatan dan hadir bagi menandatangani kontrak tersebut ialah Pemangku Ketua PPK, Dr. Erina Nisdzarinah binti Haji Abdul Rani, dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PPK, Awang Haji Mohammad Firdey Hazarullah bin Haji Md. Zain bagi pihak Kementerian Kesihatan.

Turut menandatangani, Yong Chee Ting selaku Pengarah Utama dan disaksikan oleh Eksekutif Perhubungan Pelanggan, Abdul Mustaqim bin Isa dari pihak Tiga Creative Studio.

Dengan adanya kolaborasi seperti ini, ia diharapkan dapat menyumbang kepada pengurangan faktor risiko penyakit tidak berjangkit (NCD) di negara ini, selaras dengan visi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Negara Sihat' serta Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu mencapai kualiti hidup yang tinggi.

63 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN



KEMPEN Derma Darah anjuran Syarikat Unicorp Sendirian Berhad telah diadakan di aras bawah bangunan syarikat berkenaan.

Berita dan Foto :
Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERIBI, Sabtu, 2 Ogos. - Sebanyak 63 pain darah berjaya dikutip pada Kempen Derma Darah anjuran Syarikat Unicorp Sendirian Berhad yang diadakan di aras bawah bangunan syarikat berkenaan, di sini.

Syarikat Unicorp Sendirian Berhad mula mengadakan kempen berkenaan sejak Julai 2014, dan akan diadakan setiap tiga bulan sehingga ke hari ini.

Kempen antara lain diadakan untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk sama-sama memberikan sumbangan dan sokongan serta keprihatinan kepada masyarakat, selain untuk membantu Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menambah simpanan stok darah yang ada pada masa ini.



Membudayakan, mengagungkan pembacaan Al-Quran

WAKIL peserta kanak-kanak lelaki dari Sekolah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin Pandan 6 dan Sekolah Ugama Panaga (kanan).



AWANG Haji Ismail bin Haji Metussin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Ogos. - Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 adalah sangat bersesuaian

dengan falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir iaitu untuk membudayakan dan mengagungkan pembacaan Al-Quran dalam kalangan rakyat jelata dan penduduk di peringkat negara atau kebangsaan.

Perkara demikian dijelaskan oleh salah seorang peserta lelaki Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Ismail bin Haji Metussin semasa ditemui pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

"Penyertaan yang begitu ramai dalam Majlis Khatam Al-Quran, mungkin mencecah lebih 1,000 orang, dengan setiap seorang mengkhataamkan Al-Quran 30 juzuk, pastinya mengundang kehadiran para malaikat yang membawa rahmat dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Di samping itu tambahnya, dalam suasana perhimpunan besar ini, mampu memperkukuhkan lagi tali silaturahmi dan ukhuwah islamiah dalam kalangan para peserta khatam Al-Quran ini.

Terdahulu beliau melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Subhanahu Wata'ala kerana diberi peluang dan terpilih mewakili Pertubuhan WARGAMAS untuk menyertai Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam ini.

Beliau yang buat pertama kali menyertai majlis tersebut, turut merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara kerana memberi peluang Pertubuhan WARGAMAS menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang gilang-gemilang ini.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga baginda sentiasa sihat walafiat, dipanjangkan umur yang penuh keberkatan, dikurniakan rezeki yang melimpah ruah, kekal karar memerintah negara di bawah perlindungan dan petunjuk-Nya".

Bagi Dayang Syakilah Auni binti Haji Sufri yang merupakan salah seorang peserta Beliawanis Daerah Belait turut melahirkan rasa syukur dan sangat gembira kerana berpeluang menyertai Majlis Khatam Al-Quran buat pertama kali di Istana Nurul Iman.

Melalui penyertaan ini jelasnya,

akan membolehkan para peserta untuk terus mendekatkan diri dengan Al-Quran di samping ia juga dapat memberi inspirasi kepada belia-belia lain untuk sentiasa mendekatkan diri dengan perkara-perkara berkebaikan serta berharap para belia lain juga terlibat dalam majlis khatam pada tahun akan datang.

Beliau juga mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat diraja dikurniakan umur yang panjang serta sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala

DAYANG Syakilah Auni binti Haji Sufri.

dan Negara Brunei Darussalam sentiasa diberkati dan makmur di bawah naungan baginda yang rakyat cintai.

Sementara itu, wakil peserta kanak-kanak lelaki dari Sekolah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin Pandan 6 dan Sekolah Ugama Panaga rata-rata melahirkan perasaan teruja dan gembira kerana terlibat dalam Majlis Khatam Al-Quran tahun ini bagi sama-sama mendoakan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena hari keputeraan baginda.

Mereka berpendapat, kesempatan menyertai Majlis Khatam Al-Quran ini merupakan satu peluang yang mungkin jarang diperolehi kerana dengan pahala dari membaca kitab suci Al-Quran itu ditujukan bagi kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang lain sebagai tanda kasih dan sayang rakyat.





Menggapai Wawasan Brunei 2035 melalui Modul Keusahawanan Halal

SIRI AKHIR

Pasaran halal global : Peluang yang luas dan berkembang pesat

STATISTIK menunjukkan bahawa pasaran halal global kini melepasi USD3 trilion dan terus menunjukkan pertumbuhan positif setiap tahun. Industri ini meliputi pelbagai sektor seperti makanan dan minuman halal, kosmetik, farmaseutikal, logistik halal, kewangan Islam, dan pelancongan mesra Muslim. Peluang ini menjadi sangat signifikan khususnya bagi negara seperti Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah meletakkan halal sebagai salah satu sektor tumpuan strategik dalam kerangka pembangunan ekonominya.

Wawasan Brunei 2035 : Membangun ekonomi dinamik dan masyarakat berilmu

Sebagai satu inisiatif pendidikan dan keusahawanan, Halalpreneurs Days juga menyumbang secara langsung kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya dari aspek pembangunan modal insan yang berkualiti, pengukuhan ekonomi melalui sektor bukan minyak dan gas, serta penambahbaikan taraf hidup rakyat melalui inovasi dan pekerjaan bernilai tinggi.

Modul Halal Entrepreneurship yang disokong oleh program seperti Halalpreneurs Days membentuk sebahagian daripada usaha lebih besar untuk menyediakan platform pembangunan belia yang berasaskan nilai, ilmu, dan kemahiran praktikal, agar mereka dapat memainkan peranan penting dalam transformasi ekonomi negara.

Industri halal merupakan salah satu sektor yang berpotensi besar untuk menyumbang kepada matlamat ekonomi yang dinamik dan

berdaya tahan. Dengan permintaan global terhadap produk dan perkhidmatan halal yang semakin meningkat, NBD berpeluang mengukuhkan kedudukannya sebagai pusat halal serantau.

Program seperti Halalpreneurs Days adalah manifestasi usaha negara untuk melahirkan usahawan muda yang bukan sahaja berkemahiran tinggi, tetapi juga memahami nilai-nilai Islam dan keperluan pasaran halal. Ini selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk membangunkan modal insan yang mampu menyumbang secara efektif kepada ekonomi negara.

Modul Halal Entrepreneurship : Pendekatan praktikal dan interaktif

Modul Halal Entrepreneurship dirancang dengan pendekatan praktikal dan interaktif, bertujuan untuk menyampaikan ilmu keusahawanan Islam secara menyeluruh dan mendalam kepada pelajar, bukan sekadar dari segi teori, tetapi juga melalui aplikasi dunia sebenar. Modul ini menjadi komponen penting dalam membentuk asas pemikiran keusahawanan berteraskan prinsip halal dan tayyib, dengan menekankan elemen kemahiran abad Ke-21 seperti kreativiti, inovasi, pemikiran kritikal, serta tanggungjawab sosial.

Pelajar yang mengikuti modul ini akan melalui beberapa unit pembelajaran teras yang dirancang secara progresif, seperti berikut :

1. Kreativiti, inovasi dan keusahawanan.
 2. Halalpreneurship.
 3. Perancangan bisnes.
 4. Pembangunan produk dan servis.
 5. Pemasaran.
 6. Etika bisnes bagi Halalpreneurs.
 7. Halalpreneurs dan tanggungjawab sosial.
 8. Latihan amali bisnes.
- Keseluruhan struktur Modul Halal Entrepreneurship ini bukan sahaja membina

Oleh : Nor Surilawana Sulaiman, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Ihsan Ak. Muhd. Arshrul Waie Pg. Amirulzham

keupayaan teknikal pelajar dalam bidang keusahawanan, tetapi juga menanamkan jati diri Islam dan semangat tanggungjawab sosial. Pendekatan praktikal dan interaktif ini menjadikan pelajar lebih bersedia menghadapi cabaran sebenar dalam dunia perniagaan dan menjadi agen perubahan dalam pembangunan ekonomi halal negara.

Penekanan nilai Islam dalam keusahawanan

Salah satu aspek utama yang ditekankan dalam program ini ialah kepentingan mematuhi syariat Islam dalam setiap aspek perniagaan. Produk dan perkhidmatan yang dihasilkan mestilah halal, bersih, dan selamat untuk pengguna. Selain itu, nilai-nilai seperti kejujuran, integriti, dan tanggungjawab sosial turut menjadi teras dalam membentuk usahawan yang beretika.

Ini penting kerana keusahawanan halal bukan sekadar mengejar keuntungan semata-mata, tetapi juga memastikan keberkatan dan kelestarian perniagaan dalam jangka masa panjang. Pelajar dididik agar sentiasa mengutamakan prinsip-prinsip ini dalam setiap keputusan perniagaan yang dibuat.

Menyokong aspirasi negara dan masa depan ekonomi

Halalpreneurs Days membuktikan komitmen negara dalam melahirkan generasi usahawan muda yang berwawasan dan beretika. Dengan sokongan penuh terhadap titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan selaras

dengan Wawasan Brunei 2035, program ini menjadi batu loncatan untuk pelajar membina kerjaya yang berjaya dalam bidang keusahawanan halal.

Lebih daripada itu, usaha ini juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara yang pelbagai dan mampan, sekali gus memperkukuh kedudukan NBD dalam arena ekonomi global yang semakin kompetitif.


Penutup

Halalpreneurs Days bukan sahaja satu acara, tetapi satu gerakan untuk memperkasa generasi muda dengan ilmu, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk menerajui masa depan. Dengan menggabungkan elemen praktikal, nilai Islam dan aspirasi nasional, program ini diyakini mampu melahirkan usahawan halal yang bukan sahaja berjaya dari segi ekonomi, tetapi juga menjadi contoh teladan dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, Halalpreneurs Days merupakan satu platform yang berimpak tinggi, bukan sahaja dalam mencungkil bakat dan potensi keusahawanan dalam kalangan pelajar, malah menjadi titik tolak kepada pengembangan ekonomi halal nasional yang dipacu oleh belia. Ia memperlihatkan bahawa melalui pendidikan yang terarah, bimbingan berstruktur, dan sokongan strategik, generasi muda negara mampu melakar masa depan sebagai usahawan halal yang inovatif dan beretika.

Dengan usaha berterusan dan pelaburan dalam modal insan, NBD berpotensi untuk muncul sebagai hab halal serantau, sekali gus menepati cita-cita Wawasan Brunei 2035 dan meningkatkan daya saing negara di persada antarabangsa.





Lindungi raja dikasihi dengan Al-Quran

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran daripada 1,708 orang peserta telah bergema di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman sempena Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung (MPMK), Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025.

Majlis tersebut adalah sebagai menzhahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya jua

menjadikan NBD di bawah kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Acara berkenaan diadakan adalah untuk memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia, sihat walafiat serta mendapat taufik dan hidayah serta inayah daripada-Nya.

Para peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran di kesemua daerah adalah terdiri dalam kalangan ahli-ahli MPMK, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah. Sebanyak enam kategori peserta iaitu Kategori Lelaki Dewasa, Kategori Wanita Dewasa, Kategori Belia, Beliawanis, Pelajar-pelajar Kementerian

Pendidikan Lelaki dan Perempuan dan Kanak-kanak Berumur 12 Tahun Ke Bawah Lelaki dan Perempuan.

Pelancaran memulakan bacaan

Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli MPMK, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-79 bagi Tahun 2025 telah diadakan secara serentak pada 13 Mac 2025 di keempat-empat buah daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, pelancarannya diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini dengan melibatkan seramai 564 peserta. Di Daerah Belait, tumpuan majlis tersebut diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Di Daerah Tutong, majlis sedemikian telah diadakan di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong manakala di Daerah Temburong yang

diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar.

Sebagai kesinambungan kepada Majlis Pelancaran, diadakan pula Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran sempena Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam keempat-empat daerah pada 5 Jun 2025. Ia adalah bagi memastikan kesempurnaan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran para peserta khatam.

Majlis yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini antara lain sebagai menjunjung hasrat baginda untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir dan rakyat celik Al-Quran, di samping juga merupakan manifestasi penghayatan terhadap konsep negara Melayu Islam Beraja sebagai sistem yang mengatur cara hidup di negara ini ke arah perpaduan yang kukuh serta kesejahteraan, keharmonian, keamanan dan ketenteraman bermasyarakat dan bernegara yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis ini adalah juga bagi

menanamkan dan menyuburkan budaya membaca, mempelajari dan menghayati Al-Quran serta mengamalkan ajaran-ajarannya sebagai amalan harian.

Penglibatan dan sokongan padu rakyat dan penduduk NBD daripada semua peringkat menyertai majlis ini mencerminkan rasa kasih dan taat setia yang tidak berbelah bahagi rakyat dan penduduk terhadap Majlis Kebawah DYMM, serta dapat mengukuhkan perpaduan dan keharmonian. Selain itu, ia setentunya menjadi kenangan abadi kepada para peserta.

Penyertaan dari pelbagai kategori peserta juga melambangkan kesinambungan kepimpinan dan kedaulatan negara ini seterusnya menjiwai aspirasi NBD ke arah memperkukuh perpaduan, kestabilan, dan kemakmuran negara.

Dengan keberkatan Al-Quran, sama-samalah kita memohon agar Uliil Amri yang dikasihi terus dikurniakan dengan nikmat lanjut usia, sihat walafiat serta kekal karar memerintah negara.





RAMALAN HUJAN LEBAT LANDA KOREA SELATAN

SEOUL, 3 Ogos. - Hujan lebat dijangka melanda kebanyakan wilayah di Korea Selatan pada Ahad, dengan jumlah taburan mencecah sehingga 150 milimeter (mm) diramalkan di kawasan selatan sehingga Selasa, lapor Agensi Berita Yonhap memetik kenyataan agensi cuaca negara itu.

Menurut Pentadbiran Meteorologi Korea (KMA), hujan akan mula melanda wilayah barat daya dan Pulau Jeju pada siang hari, sebelum bergerak ke arah tenggara dan

kawasan tengah secara berperingkat, seterusnya meliputi hampir seluruh negara kecuali kawasan berhampiran Laut Timur.

Taburan hujan berterusan dijangka memberi kesan ketara kepada kawasan selatan termasuk bandar pelabuhan Busan yang diramal menerima sehingga 150mm hujan, manakala bandar pentadbiran Sejong serta wilayah tengah dijangka menerima sehingga 100mm.

Hujan lebat dengan intensiti antara 50 hingga 80mm sejam turut

dijangka pada waktu malam di sepanjang pantai selatan Wilayah Jeolla Selatan, kawasan sekitar Gunung Jiri dan kawasan pergunungan Jeju.

Selain itu, angin kencang dengan kelajuan melebihi 20 meter sesaat dijangka melanda pantai barat Jeolla Selatan menjelang lewat hari ini.

"Penduduk dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan cuaca semasa, menghadkan aktiviti luar, dan menjauhi kawasan berisiko seperti tebing sungai, cerun bukit serta kawasan tanah

rendah," menurut seorang pegawai tempatan.

Korea Selatan sebelum ini dilanda hujan lebat dan tanah runtuh pada bulan lalu yang mengorbankan 23 nyawa,

manakala lima orang masih hilang di seluruh negara.

KMA turut menjangkakan suhu maksimum siang hari berada antara 29 hingga 34 darjah Celsius. - ©BERNAMA

Doktor Rusia dibenar guna AI semasa rundingan jarak jauh mulai 1 September

MOSCOW, 3 Ogos. - Peraturan baharu teleperubatan akan mula dikuat kuasa di Rusia mulai 1 September, antara lain membenarkan doktor menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) semasa rundingan, menurut Timbalan Pengerusi Pertama Jawatankuasa Kesihatan Duma, Badma Bashankayev kepada RIA Novosti.

"Peraturan baharu dalam teleperubatan yang akan dikuat kuasa mulai 1 September adalah sebahagian daripada evolusi dalam pembangunan bidang ini.

"Kami mengekalkan prinsip utama iaitu pertama pemeriksaan secara bersemuka, kemudian - sokongan jarak jauh. Pada masa yang sama, kami memberikan lebih banyak instrumen kepada doktor, kini mereka boleh menyelaras rawatan dan menggunakan AI jika sistem diluluskan secara rasmi," kata Bashankayev.

Menurut ahli parlimen itu, peraturan yang dikemas kini itu memperincikan dengan jelas empat format interaksi teleperubatan iaitu rundingan jarak jauh antara doktor untuk kes kecemasan, segera dan terancang; laporan jarak jauh mengenai keputusan diagnostik; rundingan dengan pesakit dan penyusunan pemantauan kesihatan pesakit secara jarak jauh.

"Teleperubatan bukan tentang gajet dan teknologi, tetapi tentang manusia.

"Mengenai seorang pesakit di kawasan pedalaman yang boleh mendapatkan rundingan segera daripada pakar di pusat perubatan persekutuan.

"Mengenai seorang doktor di hospital daerah yang boleh segera berunding dengan rakan sekerja - pakar dalam kes-kes sukar.

"Dan mengenai pesakit kronik, terutamanya selepas pembedahan besar, yang boleh dipantau tanpa perlu meninggalkan rumah," jelasnya.

Menurut Bashankayev, adalah penting agar teknologi ini tidak hanya kekal di atas kertas dan bagi merealisasikan, hospital perlu dihubungkan, doktor dilatih dan asas teknikal dipertingkatkan.

"Sebagai sebahagian daripada kawalan parlimen, kami akan memantau agar perubahan ini benar-benar memberikan manfaat kepada pesakit. Kuncinya ialah kemudahan, akses dan kualiti," kata beliau. - ©BERNAMA

Periuk upacara seramik berusia 900 tahun ditemukan di Tapak Warisan Tentatif UNESCO di Türkiye

SANLIURFA, ANKARA (Türkiye), 2 Ogos. - Sebuah periuk upacara seramik berusia hampir 900 tahun yang berasal dari Zaman Pertengahan telah ditemukan di tapak purba Harran di Wilayah Sanliurfa, Türkiye, yang merupakan antara penempatan tertua di dunia dan tersenarai sebagai Tapak Warisan Dunia Tentatif Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Agensi Anadolu (AA) melaporkan bahawa Ketua Jabatan Arkeologi Universiti Harran merangkap ketua pasukan penggalian di tapak itu, Prof. Mehmet Onal, berkata kerja-kerja ekskavasi di tapak itu masih giat dijalankan.

Onal menekankan bahawa Harran sering disebut dalam buku sejarah kerana kedudukannya sebagai satu daripada penempatan yang didiami secara berterusan paling lama di dunia, dan ekskavasi tahun ini telah menjumpai penemuan penting.

Beliau berkata periuk itu, yang ditemukan semasa penggalian di kawasan Madrasah Harran, mempunyai kedalaman kira-kira 20 sentimeter, dihiasi dengan inskripsi dalam tulisan Arab di sekeliling permukaannya, dan turut memaparkan tandatangan pembuatnya.

Mengulas kepentingan sejarah setiap artifak yang ditemui di madrasah berkenaan - yang suatu ketika dahulu merupakan pusat pengajian terkemuka - Onal berkata: "Ini merupakan kali pertama bekas seramik yang lengkap sepenuhnya menggunakan teknik *lustreware* atau teknik pembakaran khas ditemui dalam ekskavasi di Harran.

"Ia dihasilkan ketika zaman kegemilangan seramik menggunakan teknik *lustre* berkualiti tinggi dan dibakar sebanyak tiga kali," katanya.

"Kami menganggarkan lapisan madrasah tempat bekas ini ditemui berasal dari Zaman Zengid dan Ayyubid, sekitar abad ke-12 Masihi - hampir 900 tahun lalu," katanya. - ©BERNAMA

Bekas Presiden Colombia dijatuhi hukuman tahanan rumah 12 tahun

BOGOTA (Colombia), 2 Ogos. - Bekas Presiden berhaluan kanan Colombia, Alvaro Uribe Velez telah dijatuhi hukuman tahanan rumah selama 12 tahun dalam satu keputusan yang disampaikan oleh Hakim Sandra Heredia pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Uribe juga hilang kelayakan untuk memegang jawatan awam selama lapan tahun dan diarahkan membayar denda.

Uribe, 73, menerima hukuman maksimum selepas didapati bersalah atas tuduhan mengganggu saksi dan penipuan prosedur.

Ini menandakan satu detik bersejarah kerana ia merupakan kali pertama seorang bekas Presiden Colombia disabit dan dijatuhi hukuman jenayah.

Sepanjang prosiding, bekas

presiden berkenaan secara konsisten menegaskan beliau tidak bersalah. Pihak pembelaan Uribe telah mengumumkan akan merayu keputusan itu.

Jika Mahkamah Tinggi Bogota mengekalkan keputusan Heredia, kes itu boleh dibawa untuk rayuan ke peringkat Mahkamah Agung Keadilan.

Dalam keputusan yang sama, mahkamah mengarahkan siasatan ke atas Uribe kerana didakwa mengganggu saksi untuk memburukkan nama lawan politiknya. Bekas presiden itu didakwa memanipulasi keterangan.

Pada 2020, mahkamah memerintahkan tahanan rumah Uribe. Sebelum keputusan itu, bekas presiden berkenaan meletak jawatan daripada kerusi Senatnya,

yang memindahkan kesnya ke sistem kehakiman biasa.

Beliau didakwa secara rasmi atas tuduhan rasuah, penipuan prosedur dan mengganggu saksi pada Mei 2024. Susulan itu, Pejabat Pendakwa Raya Colombia cuba menutup kes terhadap Uribe, tetapi petisyen itu ditolak.

Uribe ialah pemimpin berhaluan kanan paling popular di Colombia dan merupakan seorang tokoh penentu dalam pilihan raya presiden tahun depan.

Kes itu telah menarik perhatian tokoh politik Amerika Syarikat yang telah menyuarakan kebimbangan terhadap kemungkinan sistem kehakiman Colombia disalah guna untuk menyasarkan bekas presiden berkenaan, malah mengugut untuk menghentikan bantuan kewangan. - ©BERNAMA

Presiden Abbas sambut baik langkah Portugal iktiraf negara Palestin

RAMALLAH, 2 Ogos. - Presiden Palestin, Mahmoud Abbas pada Jumaat mengalu-alukan pengumuman kerajaan Portugal yang memulakan proses untuk mengiktiraf Negara Palestin, dengan pengiktirafan rasmi dijangka pada September ini, lapor Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA).

Abbas menyifatkan langkah itu sebagai tindakan positif dan berani yang menyokong usaha ke arah pelaksanaan penyelesaian dua negara dan mencapai keamanan

berdasarkan legitimasi antarabangsa dan undang-undang antarabangsa.

"Kami menghargai langkah berani dan membina oleh kerajaan Portugal yang bersahabat ini yang mengukuhkan laluan penyelesaian dua negara dan mengesahkan kesepakatan masyarakat antarabangsa mengenai keperluan untuk menamatkan penderitaan yang ditanggung rakyat Palestin," kata Presiden Abbas.

Beliau turut memperbaharui gesaannya kepada semua negara yang masih belum mengiktiraf

Negara Palestin agar mengambil langkah serius yang serupa demi menyokong keamanan.

Abbas turut menegaskan komitmen Palestin terhadap ikrar yang dibuat semasa persidangan antarabangsa peringkat tinggi mengenai penyelesaian damai isu Palestin dan pelaksanaan penyelesaian dua negara yang diadakan di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York dari 28 hingga 30 Julai 2025. - ©BERNAMA

4 maut dalam insiden tembakan di Montana, AS

LOS ANGELES, 2 Ogos. - Empat orang maut dalam insiden tembakan di sebuah bar pada Jumaat di Anaconda, negeri Montana, Amerika Syarikat (AS), lapor Xinhua yang memetik laporan media tempatan serta pegawai penguat kuasa undang-undang.

Insiden tembakan itu berlaku di The Owl Bar, Anaconda, sebuah

bandar terletak di barat daya Montana, lapor NBC Montana.

Suspek dikenal pasti sebagai Michael Paul Brown, menurut hantaran di Facebook oleh Pusat Penguatkuasaan Undang-undang Anaconda-Deer Lodge County.

Pihak berkuasa turut memuat naik gambar suspek di Facebook dan menasihati orang ramai agar

menjauhi kawasan Stumptown dan kawasan sekitarnya.

Peronda Lebuhraya Montana dalam satu lagi hantaran di Facebook berkata terdapat kehadiran penguat kuasa undang-undang yang besar di barat Anaconda berhampiran Stumptown Road dan Anderson Ranch Loop Road. - ©BERNAMA

KEJOHANAN PENCAK SILAT PERINGKAT KEBANGSAAN DITERUSKAN HARI INI



SEKITAR Kejohanan Pencak Silat Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Pusat Belia Bandar Seri Begawan (kiri dan kanan).

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 diteruskan lagi pada hari ini.

Kejohanan yang akan berlangsung selama tujuh hari di Pusat Belia Bandar Seri Begawan, di sini.

Pada hari ini, kejohanan mempertandingkan Cakak Asli, Kuntau dan Tanding Antarabangsa



Peringkat Suku Akhir bagi Kategori Remaja dan Kategori Dewasa. Kejohanan akan diteruskan lagi esok sehingga 8 Ogos 2025 ini.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Ogos. - Kejohanan Pencak Silat Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Kejohanan Pencak Silat Peringkat Kebangsaan buka tirai

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Ogos. - Seramai 147 peserta dari seluruh daerah akan bersaing dalam 95 acara pada Kejohanan Pencak Silat Peringkat Kebangsaan bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Kejohanan anjuran Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB) itu membuka tirainya hari ini dengan Majlis Pembukaan Rasmi yang berlangsung di Pusat Belia, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan kejohanan ialah Pemangku Yang Dipertua PERSIB, Awang Haji Abdul Razak bin Haji Md. Dali. Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian Sijil Kursus Wasit dan Juri serta Cop-cop Pengerusi-pengerusi PERSIB Daerah.

Para peserta masing-masing mewakili Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah



PEMANGKU Yang Dipertua Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB), Awang Haji Abdul Razak bin Haji Md. Dali hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan kejohanan tersebut (atas), manakala gambar bawah, antara para peserta yang menyertai kejohanan berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

Belaït, Daerah Temburong, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB), Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) serta Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD).

Kategori yang dipertandingkan ialah Tanding dan Seni di mana para peserta akan bersaing bagi

merebut Piala Pusingan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu dalam Acara Cakak Asli Brunei dan Kuntau Melayu Brunei. Kejohanan akan berlangsung sehingga 8 Ogos 2025 ini.



Memupuk gaya hidup aktif dalam kalangan masyarakat

Siaran Akhbar dan Foto : Bigboh City Run 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Ogos. - Acara Bigboh City Run 2025 telah berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara bermula pada jam 6.00 pagi dan dibukakan kepada semua golongan umur serta tahap kecergasan.

Bigboh City Run 2025 dianjurkan dengan kerjasama Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, dan turut mendapat sokongan dari Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; serta Program Happy Environment And Lifestyle (HEAL).

Sehubungan dengan itu, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam telah menerima sumbangan dari Bigbh berjumlah BND2,000; dan Dynamic Sports berjumlah BND1,000. Selain itu, pelbagai hadiah menarik menerusi cabutan bertuah turut diadakan semasa acara berlangsung.

Acara Bigboh City Run 2025 mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai dengan penyertaan semua lapisan masyarakat sama ada individu, keluarga mahupun peminat sukan larian bagi sama-sama menjayakan acara yang berlangsung dalam suasana meriah dan penuh semangat kekitaan. Acara tahunan berkenaan dianjurkan bagi memupuk gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan masyarakat, di samping menyokong usaha kebajikan tempatan.

Bigboh City Run 2025 adalah manifestasi sokongan terhadap kesihatan komuniti, perpaduan sosial dan kegiatan kebajikan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi atau ikuti Big Boh melalui saluran berikut, iaitu Facebook *Bigboh Running*, atau Instagram *@bigbohbrunei* atau talian telefon +673 8259135.



TURUT hadir menyertai Bigboh City Run 2025, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hazri bin Haji Kifle.



WALKATON HARI KEPUTERAAN : MEMPROMOSI GAYA HIDUP SIHAT



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ketua Kampung Subok hadir selaku tetamu kehormat Walkaton Hari Keputeraan anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Kota Batu dan seterusnya menyertai acara walkaton berkenaan (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Ogos.- Walkaton Hari Keputeraan anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Kota Batu mendapat sambutan penyertaan yang memberangsangkan daripada orang ramai yang bermula dan berakhir di kawasan bawah Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyertai

acara walkaton berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, yang juga selaku Ketua Kampung Subok, Daerah Brunei dan Muara.

Walkaton Hari Keputeraan merupakan salah satu acara riadah dalam sama-sama memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025.

Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit selaku Setiausaha Kerja Walkaton Hari Keputeraan menzahirkan rasa gembira atas sambutan yang sangat mengalakkan daripada MPM Kota Batu dan penduduk Mukim Kota Batu serta sekitarnya

yang menyertai acara berkenaan.

"Selain dalam sama-sama memeriahkan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, riadah sebegini juga sebagai sokongan kepada aspirasi negara untuk mempromosi gaya hidup sihat dengan mempelbagaikan kegiatan sukan riadah termasuk walkaton.

"Walkaton tersebut bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan penduduk

kampung mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat, tetapi juga sebagai wadah untuk merapatkan hubungan kekeluargaan serta memperkukuh jalinan ukhuwah antara generasi muda dan warga emas," ujarnya lagi.

Turut menyertai acara berkenaan ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan yang juga selaku Ketua Kampung Belimbing, Daerah Brunei dan Muara, serta Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara.

Kejohanan Badminton Terbuka Daerah Tutong 2025 labuh tirai



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang Kejohanan Badminton Terbuka Daerah Tutong 2025.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Ahad, 3 Ogos. - Kejohanan Badminton Terbuka Daerah Tutong 2025 anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong dengan kerjasama Alpha by As Saabi petang tadi melabuhkan tirainya pada majlis penutup yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Sebanyak lima kategori beregu telah dipertandingkan yang menyaksikan Kategori Lelaki 21 Tahun Ke Bawah disertai sebanyak 17 beregu; Wanita 21 Tahun Ke Bawah sebanyak empat beregu; Beregu Lelaki Terbuka sebanyak 21 beregu; Beregu Wanita Terbuka sebanyak tujuh beregu; dan Beregu Campuran sebanyak lapan

beregu

Pada kejohanan berkenaan, Kategori Lelaki 21 Tahun Ke Bawah dimenangi oleh Bobby Chong dan Reno Rosli, sementara kategori Wanita 21 Tahun Ke Bawah pula dimenangi oleh Haziqah Hamdan dan Vivie Merayau.

Manakala bagi kategori Beregu Campuran pula dimenangi oleh Iqbal Mohammad dan Nekma Rosley.

Sementara, kategori Beregu Wanita Terbuka dimenangi oleh Errma Rosmadi dan Norazila Othman dan kategori Beregu Lelaki Terbuka dimenangi oleh Syifak Malik dan Qawiy Dily Alias.

Hadiah-hadiah pemenang telah

disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku tetamu kehormat.

Tujuan dan matlamat kejohanan ini adalah untuk menggalakkan penyertaan sukan badminton yang kompetitif di kalangan belia.

Ia juga merupakan satu platform bagi perkembangan bakat dan semangat kesukanan, di mana melalui kejohanan ini juga akan menjadi pemangkin kepada penglibatan masyarakat melalui sukan.

Kejohanan seumpama ini diharap akan memperlihatkan lagi bakat-bakat pemain khususnya pemain-pemain baharu agar bergiat aktif dan mewujudkan persekitaran persaingan kesukanan yang tinggi.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BELIA PEMACU MASA DEPAN NEGARA